

Jilid II
Bil. 48



Hari Rabu
7hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6877]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6916]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1 hingga B.12 [Ruangan 6985]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6916]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 6985]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE
PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN
HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI
SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan
Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 7hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

UNIVERSITI/CAWANGAN
UNIVERSITI DI PERAK

1. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini sejauh manakah tindakan kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran bagi penubuhan Cawangan Universiti-universiti di Perak seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Ipoh pertengahan tahun ini. Bilakah peringkat kajian ini akan selesai atau keputusannya diketahui umum. Adakah Negeri Perak akan diberi keutamaan dalam penubuhan "Universiti Ketujuh" kelak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah Cawangan Universiti di Perak kini masih lagi dalam perancangan oleh Kementerian Pelajaran. Namun begitu pelaksanaan Cawangan Universiti ini adalah bergantung kepada banyak faktor-faktor khususnya kedudukan kewangan negara kita. Pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan Universiti Ketujuh negara ini dan oleh itu belumlah juga

boleh ditentukan sama ada negeri Perak akan diberi keutamaan dalam penubuhannya.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan taraf Politeknik Ungku Omar supaya satu masa nanti dapat mengeluarkan ijazah yang tarafnya sama dengan universiti?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi kita masih lagi dalam perancangan. Sama ada kita meningkatkan Politeknik Ungku Omar atau tidak, itu juga masih dalam perancangan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan sekiranya tidak ada apa-apa masalah besar yang dihadapi, Politeknik Ungku Omar akan dijadikan tempat universiti atau cawangan universiti buat sementara waktu. Kedua, apakah masalah-masalah atau aspek-aspek yang besar yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran bagi menubuhkan cawangan universiti di negeri Perak?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar hakikat ini dan sebab itulah kita perlu memperlihatkan dan mengkaji akan masalah-masalah besar ini. Salah satu daripada masalah besar yang

dikehendaki diberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat yang kita hadapi ialah sama ada kita hendak mengambil Politeknik Ungku Omar atau tidak yang telah begitu lama wujud, dari segi sejarahnya, dari segi reputation dan sebagainya perlukah kita kekalkan atau tidak. Kalau kita gunakan itu untuk sebuah cawangan universiti, maka kita akan secara langsung ataupun tidak langsung menghapuskan credibility, image, sejarah, sentimen dan sebagainya dan ini mungkin perlu perancangan yang teliti.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan beliau tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Universiti Ketujuh oleh kerana kemelesetan ekonomi. Soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan akan menimbang memberi keutamaan kepada kawasan Sarawak dan Sabah untuk menubuhkan Universiti Ketujuh jikalau keadaan ekonomi diperbaiki di masa depan untuk meninggikan usaha integrasi wilayah ke arah perpaduan negara?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya itu tidak bersangkutan.

SISTEM PUNCH CARD

2. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sistem "punch card" yang telah diperkenalkan di tiap-tiap Jabatan Kerajaan benar-benar telah dapat mencapai hasrat Kerajaan untuk menambahkan disiplin, mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kecekapan pegawai-pegawai Kerajaan selain daripada menentukan yang pegawai-pegawai Kerajaan hadir di Pejabat dan balik pada waktunya; jika tidak, nyatakan sebabnya.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa sistem kad perakam waktu yang telah diperkenalkan sejak tahun 1981 nyatalah dapat memperbaiki disiplin di kalangan pegawai dan juga kakitangan Kerajaan dari beberapa sudut. Mereka telah hadir di pejabat tidak lewat dari masa yang ditetapkan dan tidak lagi keluar daripada pejabat atau pulang sebelum waktu yang diizinkan.

Kesedaran penggunaan waktu telah bertambah dan penggunaan sistem itu oleh semua peringkat pegawai telah juga mengurangkan rasa perbezaan taraf. Pengenalan kepada sistem kad perakam waktu telah dengan secara tidak langsung meninggikan mutu perkhidmatan oleh kerana pekerja-pekerja hadir di pejabat dan mula bekerja pada waktu yang ditetapkan. Tidaklah berlaku lagi keadaan di mana orang ramai yang datang ke pejabat waktu pagi untuk sesuatu urusan terpaksa menunggu-nunggu ketibaan pegawai yang bertanggungjawab itu.

Rasa kesedaran waktu ini memberi pengaruh di semua bidang kerja yang lain. Walau bagaimanapun langkah lain telah juga diambil untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kecekapan pekerja-pekerja. Di antara langkah itu ialah program Etika Perkhidmatan Awam, latihan-latihan yang lebih berkesan, sistem dan prosedur yang lebih jelas melalui Manual Procedure Kerja dan Fail Meja, perbincangan masalah pengurusan yang lebih kerap dan juga penubuhan pusat-pusat serenti.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menentukan bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan mengikuti Sistem Perakam Waktu (Punch Card) ini, adakah para Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen juga mengikuti Sistem Perakam Waktu ini dan adakah

Yang Berhormat sedar bahawa nampaknya kadangkala para Menteri tidak mengikuti Punch Card ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, semua lapisan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hinggalah kepada pegawai atau kakitangan terendah di dalam Kerajaan Persekutuan dan juga di dalam Kerajaan-kerajaan Negeri adalah diminta untuk mematuhi dasar atau arahan Kerajaan ini. Walau bagaimanapun, barangkali apa yang Ahli Yang Berhormat telah nampak ialah maklumlah kadang-kadang pemimpin-pemimpin atasan seperti Menteri-menteri itu terpaksa pergi merasmikan acara-acara yang tertentu ataupun hadir di acara-acara yang tertentu di luar daripada pejabat dan barangkali mereka, dalam perjalanan ke pejabat selepas acara itu ataupun kadang-kadang juga pada awal pagi, terutama sekali pada hari Rabu, sebelum menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri, Menteri itu barangkali di dalam perjalanannya ke Jabatan Perdana Menteri kelihatan tidak ada di pejabat. Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua adalah mematuhi ini dengan seberapa daya upayanya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa sejak dijalankan Sistem Perakam Waktu ini banyak kejayaan yang telah dicapai. Ini adalah satu petanda yang baik.

Tetapi saya ingin bertanya sejak dijalankan sejak tahun 1981 hingga kini adakah di antara mereka yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Sistem Perakam Waktu ini dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mencegah perbuatan yang tidak diingini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu dasar yang dilaksanakan seperti ini memang terdapat juga kecuaiian dan terdapat juga yang lalai dan melanggar dari masa ke semasa. Semua Ketua Jabatan adalah diberi arahan supaya mengambil perhatian dan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu terhadap sesiapa yang cuai ataupun tidak mematuhi arahan ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa Kad Perakam Waktu telah berjaya sebagai salah satu cara untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan Kerajaan di Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di Kementerian-kementerian.

Soalnya, adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan ataupun mensyaratkan supaya semua Jabatan Kerajaan di seluruh negara baik di peringkat persekutuan, negeri dan daerah supaya menggunakan kad perakam waktu ini.

Kedua, saya ingin tahu berapakah kos untuk membeli satu mesin perakam waktu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dalam jawapan pada soalan tambahan pertama tadi, dasar menggunakan kad perakam waktu ini telah pun diturunkan kepada semua Kementerian dan juga agensi Kerajaan Persekutuan dan sejurus masa sahaja dalam tahun 1981 semua negeri juga telah diujar supaya menggunakan kad perakam waktu ini.

Pada keseluruhannya Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensinya dan juga sebahagian besar barangkali 70% atau 80% daripada negeri-negeri di seluruh negara telah mengamalkan dasar menggunakan kad perakam waktu ini.

Jadi, kita tidak perlulah mewajibkan sedangkan misal kata anak-anak syarikat agensi-agensi Kerajaan di mana Kerajaan hanya mempunyai saham yang minoriti sahaja pun telah mengamalkannya dan kalau difikirkan betul, terdapat syarikat-syarikat besar, corporations di bidang swasta telah mengamalkan sistem ini berpuluh tahun sebelum kita mengamalkan bagi pekerja-pekerja mereka. Saya sendiri, semasa saya jadi pelajar di Australia pernah diminta supaya menggunakan kad perakam waktu semasa kami bekerja bila cuti panjang universiti di sana. Jadi, ini bukanlah perkara yang baru dan pada keseluruhannya prestasinya memuaskan dan kita akan pertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kos dia itu, bolehkah Yang Berhormat beritahu. Soalan yang kedua.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kosnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membeli satu mesin perakam waktu saya tidak dapat berikan angka tetapi daripada pertanyaan-pertanyaan saya sendiri memadailah, tidak begitu tinggi dan boleh tahan (*Ketawa*).

SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL—SUMBANGAN PKEN-PKEN

3. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimanakah sumbangan PKEN-PKEN kepada Skim Amanah Saham Nasional melalui Permodalan Nasional Berhad. Adakah PKEN-PKEN yang enggan menyerahkan syarikat-syarikat anak dan pelaburan-pelaburan mereka yang menguntungkan kepada Permodalan Nasional Berhad dengan menunjukkan syarikat-syarikat dan pelaburan-pelaburan PKEN-PKEN yang menguntungkan, tetapi belum lagi diserahkan kepada Permodalan

Nasional Berhad. Adakah benar Kementerian tidak dapat menentukan sama ada PKEN-PKEN menyerahkan syarikat-syarikat anak dan pelaburan-pelaburan mereka kepada Permodalan Nasional Berhad, oleh kerana PKEN-PKEN adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 11 syarikat meliputi jumlah ekuiti sebanyak \$19,259,349 yang ditubuhkan oleh PKEN dan Kumpulan Perangsong Selangor telah dipindahkan kepada PNB. Memindahkan milik sesuatu syarikat PKEN atau lain-lain syarikat agensi amanah kepada PNB itu perlu dikaji dengan teliti terlebih dahulu. Penelitian ini adalah sangat perlu bagi menentukan sumbangan yang memuaskan dan mantap kepada PNB. Syarikat-syarikat tersebut perlu memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan yang antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Modal dibayar bagi sesuatu syarikat hendaklah tidak kurang daripada \$250,000;
- (2) Kesemua kerugian terkumpul pada masa lepas telah dihapuskan dan syarikat telah membuat keuntungan terkumpul untuk 3 tahun yang lepas;
- (3) Kadar pulangan ke atas modal ekuiti secara purata tidak kurang daripada kadar purata bagi industri yang berkenaan untuk 3 tahun yang lepas;
- (4) Mempunyai masa hadapan yang cerah berasaskan kepada telahan ke atas kadar pulangan modal bagi 3 tahun yang akan datang;
- (5) Kedudukan kewangan syarikat hendaklah memuaskan dengan mempunyai nisbah kewangan

yang munasabah bagi sesuatu jenis perniagaan; dan

- (6) Nilai harta bersih satu saham mestilah lebih daripada harga par.

Syarikat-syarikat PKEN dan juga syarikat agensi amanah yang lain yang dikenalpasti akan dipindahkan kepada PNB hanya setelah diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berdasarkan kriteria-kriteria seperti yang telah saya sebutkan di atas.

Dasar pindahmilik ini telah pun dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan negeri pada tahun 1981 dahulu. Kementerian Perusahaan Awam bukanlah agensi yang menentukan syarikat-syarikat mana yang patut diserahkan kepada PNB.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah lebih berkesan langsung kepada rakyat dengan menyerahkan anak-anak syarikat PKEN langsung kepada PNB ataupun diswastakan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, setakat mana yang telah diswastakan atau diserahkan kepada PNB iaitu sebanyak 11 syarikat yang saya sebutkan tadi adalah difikirkan bahawa cara yang setakat hari ini adalah lebih baik.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang saya hendak tahu

Tuan Yang di-Pertua: Apa fasal minta maaf?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya sedar bahawa ada dasar berkenaan dengan PKEN mesti serahkan pelaburannya kepada PNB.

Tetapi yang saya hendak tahu adakah yang enggan, itu tidak dijawab, tidak dikatakan sama ada terdapat yang enggan atau tidak, itu maksud saya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah ditentukan kadar saham bagi syarikat-syarikat anak PKEN yang diserahkan kepada PNB adakah pada kadar par ataupun pada satu kadar premium yang ditentukan mengikut nilai harga saham?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sola keengganan ini sepatutnya tidak timbul kerana PKEN dan juga anak-anak syarikat ini adalah merupakan badan amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan apabila sesuatu dasar atau keputusan dibuat oleh Kerajaan maka rasanya perkara seperti ini tidak berbangkit.

Yang keduanya, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi harganya diminta dibayar kembali oleh PNB adalah harga par.

BATIK MALAYSIA— PERSAINGAN

4. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, bahawa adakah beliau sedar pasaran batik Malaysia bersaing hebat dalam negeri dan sangat terhad di pasaran luar negeri. Jika sedar tidakkah Kerajaan berhajat memberi perlindungan dengan memberhentikan kemasukan batik dari luar negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa batik buatan Malaysia bersaing dengan batik-batik keluaran negara-negara lain di pasaran dalam negeri ataupun pasaran antarabangsa.

Bagi pasaran dalam negeri, Kerajaan berpendapat bahawa perlindungan yang diberi sekarang

kepada industri batik tempatan adalah mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan kain batik sarung ke Malaysia dilesenkan. Dalam pada itu, tekstil batik dikenakan duti import yang tinggi iaitu pada paras 50% atau \$1.20 sen tiap-tiap satu meter persegi, yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron tidak hadir).

INDUSTRI PETROLEUM— PENYERTAAN BUMIPUTERA

6. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan jumlah syarikat Bumiputera yang kini terlibat dalam industri petroleum memandangkan pelaburan negara yang sangat besar melalui PETRONAS. Apakah bidang perniagaan yang terbuka kepada usahawan Bumiputera dan bagaimana pencapaian mereka setakat ini. Memandangkan industri minyak memerlukan kepakaran teknologi dan pengetahuan luas, adakah pihak Kerajaan menjalankan usaha-usaha tertentu untuk pewujudan penyertaan badan-badan Bumiputera dalam berbagai bidang industri minyak.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam sektor “upstream” atau hulu industri petroleum, setiap syarikat yang berminat untuk mendapatkan sebarang kontrak dikehendaki mendapatkan lesen dari PETRONAS. Sehingga penghujung bulan Jun, 1984 terdapat sebanyak 387 syarikat bumiputera iaitu 67% daripada jumlah 578 syarikat yang berlesen dengan PETRONAS. Walau bagaimanapun, kebanyakan dari syarikat-syarikat bumiputera tersebut merupakan pemborong-pemborong kecil atau

agen-agen bagi syarikat-syarikat asing. Bergantung kepada keupayaan mereka seperti kepakaran teknologi, pengalaman dan keperluan modal, syarikat-syarikat bumiputera boleh memasuki bidang-bidang seperti kejuruteraan dan pembinaan, membekal para pekerja, penyajian makanan, menyediakan perkhidmatan pengangkutan di darat dan di luar pantai seperti lori, bas, helikopter, bot pekerja, kapal bekalan dan perkhidmatan bantuan seperti penyelenggaraan jentera dan kerja-kerja fabrikasi dan kimpalan.

Syarikat-syarikat bumiputera juga boleh menyertai bidang yang lebih kompleks dan sofistikated yang memerlukan kepakaran teknologi yang lebih tinggi dengan menubuhkan syarikat-syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat asing yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Jika ditaksirkan kejayaan mereka dalam sektor “upstream”, dalam tahun 1983 sahaja kontrak-kontrak bernilai \$431 juta telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat bumiputera, berbanding dengan \$39 juta sahaja dalam tahun 1977. Dari bulan Januari 1977 sehingga bulan Jun 1984, PETRONAS telah memberi kepada syarikat-syarikat bumiputera, syarikat-syarikat di mana ekuiti bumiputera melebihi 51% kontrak-kontrak bernilai \$2.4 ribu juta.

Berhubung dengan aktiviti-aktiviti “downstream” atau hiliran PETRONAS pula, bidang-bidang yang terbuka untuk penyertaan syarikat-syarikat bumiputera termasuklah membekal alat-alat kelengkapan stesen servis minyak dan depoh penerbangan, alat-alat keperluan pejabat, pengangkutan di darat seperti lori tangki dan lori barang, kapal tangki, kapal barang dan “barges”, kerja-kerja kejuruteraan dan pembinaan, penyelenggaraan kenderaan, pengusaha stesen servis minyak, pengedaran gas memasak (gas

petroleum cecair atau LPG) dan bahan-bahan keluaran industri petroleum.

Di dalam sektor "downstream" ini bagi tempoh dari bulan Januari 1980 sehingga bulan Jun 1984, PETRONAS telah memberi kontrak kepada syarikat-syarikat bumiputera yang bernilai \$118.3 juta. Sehingga 1hb Oktober, 1984 PETRONAS mempunyai 47 buah stesen servis minyak yang dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera kecuali 8 yang dikendalikan oleh PETRONAS sendiri, 252 iaitu 83% pengedar LPG bumiputera dan 42 iaitu 100% pengedar bahan-bahan petroleum yang beroperasi bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan para bumiputera menyertai dalam industri petroleum, PETRONAS seberapa yang boleh memberi keutamaan dan pertimbangan khas kepada syarikat-syarikat bumiputera pada setiap masa. PETRONAS juga telah mengkhaskan beberapa kontrak, seperti penyelenggaraan projek-projek perumahan dan kerja-kerja pembinaan am kepada syarikat-syarikat bumiputera sahaja. Apabila mengeluarkan lesen, PETRONAS mengenakan syarat-syarat ketat berhubung dengan penyertaan ekuiti dan kakitangan bumiputera pada kadar sekurang-kurangnya 30%. PETRONAS juga menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan di dalam PETRONAS yang boleh disertai oleh para bumiputera kepada persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan bumiputera. PETRONAS juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera yang bertanggungjawab untuk mengawasi, mengkaji dan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi membantu dan menambah penyertaan bumiputera di dalam aktiviti-aktiviti PETRONAS.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini suatu buku panduan yang telah dikeluarkan oleh PETRONAS bernama "*Peluang-peluang Penyertaan Syarikat Bumiputera Tempatan di dalam Aktiviti-aktiviti PETRONAS*" yang boleh memberi panduan dan bimbingan kepada sesiapa pengusaha bumiputera yang ingin menawarkan diri mereka untuk cuba mendapat kontrak daripada PETRONAS.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri selain daripada usaha-usaha menubuhkan Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera dan usaha-usaha penjelasan yang lain, seperti mengesan projek, adakah PETRONAS menyediakan kajian-kajian 'feasibility' berkenaan dengan projek-projek berhubung dengan petroleum untuk digunakan sebagai panduan pelaburan bagi pihak bumiputera?

Yang kedua, saya hendak bertanya adakah PETRONAS boleh menimbangkan atau mempunyai dasar bahawa PETRONAS sendiri akan berusaha sama dengan bumiputera di dalam setengah-setengah daripada projek? Terima kasih.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang pertama sebenarnya telah terlingkup di dalam jawapan saya keseluruhannya.

Yang kedua itu, PETRONAS belum ada cadangan untuk mengadakan perusahaan bersama-sama dengan pihak bumiputera khasnya ataupun pihak-pihak syarikat-syarikat yang lain. Pada ketika ini, PETRONAS mempunyai tanggungjawab yang berat sebagai satu syarikat Kerajaan yang menjaga kepentingan dan penggunaan petroleum dan juga gas di negara kita. Jadi, jika difikir betul-betul adalah

agak sukar sedikit bagi PETRONAS untuk sendiri berkecimpung lebih daripada memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang lain.

PERKAMPUNGAN TERSUSUN

7. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa salah satu halangan yang besar dalam usaha untuk membentuk perkampungan tersusun ialah kerana keengganan pemilik-pemilik dan penghuni-penghuni keluar dari tapak asal mereka. Kalau sedar apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengubah sikap ahli-ahli masyarakat untuk menerima konsep ini. Adakah sebarang agensi Kerajaan, telah membuat kajian ke atas perkara ini. Kalau ada apakah keputusan atau rumusan yang telah diperolehi dan cara penyelesaiannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan-penjelasan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah pun terkandung dalam ucapan menggulung perbahasan yang melibatkan Kementerian saya semalam. Dan saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan atau mengulang penjelasan tersebut.

PERUSAHAAN KECIL HARAM DI BANDARAYA

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

(a) adakah Pentadbiran Dewan Bandaraya telah menjalankan bincangan mengenai bilangan perusahaan kecil haram yang ada dalam Wilayah Persekutuan, jika ada, berapa bilangan yang terlibat;

(b) memandangkan tindakan Dewan Bandaraya yang diambil terhadap perusahaan kecil yang melanggar peraturan zoning, apakah langkah yang diambil untuk menyediakan tapak baru untuk mereka yang terlibat; dan

(c) oleh kerana pembinaan tapak-tapak perusahaan kecil mengambil masa panjang, adakah Kementerian dan Dewan Bandaraya mencari kemungkinan untuk membenarkan perusahaan kecil yang tidak memudaratkan bergerak di rumah-rumah kedai sebagai satu penyelesaian segera dan bilakah rancangan Dewan Bandaraya akan meminda "Planning Use Class Rule 1980" yang menjadi undang-undang ke atas kegunaan bangunan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tembakau): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

(a) Mengikut bincangan yang dijalankan oleh Bahagian Perancang dan Penyelidikan Dewan Bandaraya pada bulan Mac, 1984 jumlah kilang-kilang di Wilayah Persekutuan ialah 5,182. Jumlah ini termasuk semua kategori kilang-kilang dan juga termasuk kilang haram dan yang telah diberi kelulusan. Bincangan pada tahun 1980 menunjukkan jumlah kilang yang berkenaan hanya 2,940.

(b) Kajian Pelan Struktur Kuala Lumpur menganggarkan bahawa menjelang tahun 2,000 seluas 1,340 hektar atau pun 3,320 ekar tanah industri diperlukan. Keperluan tanah perindustrian adalah berasaskan kepada kepadatan purata 110 orang pekerja satu

hektar atau 45 orang pekerja dalam satu ekar. Jumlah keluasan tanah yang diperlukan oleh sektor perindustrian Wilayah Persekutuan adalah 1,020 hektar atau 2,520 ekar menjelang tahun 1,990 dan 1,340 hektar atau 3,320 ekar (5.5%) dari jumlah tanah di Wilayah Persekutuan menjelang tahun 2,000. Ini akan memberi peluang pekerjaan akan datang sebanyak 113,500 dalam tahun 1990 dan 146,800 dalam tahun 2,000. Pembangunan perindustrian di Wilayah Persekutuan akan ditumpukan kepada industri-industri kecil dan sederhana untuk mencapai penggunaan tanah yang optimum mengikut kepadatan gunatena. Industri-industri tersebut akan dibangunkan di kawasan growth centre, dengan izin, seperti Wangsamaju, Bandar Tun Razak, Bukit Jalil dan Sungai Pencala.

Bagi industri-industri jenis berat, Kerajaan telah mengenal pasti tapak-tapak baru untuk memindahkan industri-industri tersebut di luar Wilayah Persekutuan, manakala tapak-tapak lama akan dibangunkan semula untuk dimajukan sebagai kawasan pembangunan campuran khususnya perindustrian yang berorientasikan perkhidmatan. Langkah lain yang berkesan ialah dengan melaksanakan kawalan bangunan yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan industri-industri jenis ringan yang tidak menimbulkan pencemaran alam sekitar berteknologi tinggi dan industri-industri jenis perkhidmatan, pambaikan yang dapat membantu kehidupan harian di bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan di atas akan memberi keutamaan kepada penubuhan penempatan semula industri-industri kecil jenis ringan yang menggunakan tanah secara lebih ekonomik dan bersesuaian dengan keadaan pembangunan bandar.

Seterusnya adalah menjadi dasar pelan struktur untuk menggalakkan pembangunan kilang bertingkat di antara 2 hingga 5 tingkat untuk industri-industri yang menggunakan banyak tenaga pekerja. Sambutan daripada pihak swasta terhadap pembinaan kilang-kilang bertingkat ini adalah menggalakkan dan beberapa buah projek seperti ini telah dan sedang dilaksanakan.

- (c) Sebagai dasar memang tidak digalakkan penggunaan ruang kedai sebagai tempat perusahaan kerana ini melanggar zon kegunaan tanah serta menimbulkan masalah-masalah lain seperti pencemaran alam sekitar, keperluan letak kereta, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang tidak sesuai untuk kemajuan perusahaan dan kedudukan tapak yang berhampiran dengan rumah-rumah kediaman. Walau bagaimanapun perusahaan ringan yang tidak mudarat kepada kesihatan dan mematuhi kehendak-kehendak Jabatan Alam Sekitar, mungkin boleh dipertimbangkan di rumah-rumah kedai sekiranya luas lantai untuk ruang perusahaan tidak melebihi 2,000 kaki persegi, dan kedudukannya tidak melibatkan kedai-kedai biasa yang berhampiran.

Pindaan kepada kaedah-kaedah kelas kegunaan dan penjenisan industri ataupun, dengan izin, Planning Use Class Rule 1980 sedang dikaji supaya dapat memudahkan tindakan kawalan bangunan penguatkuasaan dan urusan pelesenan oleh pihak berkuasa Dewan Bandaraya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang perancangan jangka panjang menjelang tahun 2,000 untuk menempatkan semula perusahaan kecil di Wilayah Persekutuan ini.

Sukacita saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hendak menunggu projek ini akan mengambil masa yang agak begitu lama dan buat sementara ini suka saya bertanya sama ada pihak Kementerian dapat menimbang untuk menghentikan segala tindakan termasuk tindakan undang-undang terhadap industri kecil haram. Sekiranya industri kecil ini menjalankan operasi tanpa menimbulkan apa masalah yang boleh menjejaskan pencemaran ataupun menimbulkan bencana alam sekitar, dan sekiranya ini dapat dibuat, suka saya mendapat tahu sama ada Kementerian dapat mengeluarkan satu arahan kepada pihak Dewan Bandaraya mengenai perkara yang berkenaan.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menempatkan semula industri-industri kecil supaya tersusun dan teratur dan tidak mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan sebagainya memanglah memakan masa, tetapi dalam jangka masa kita merancang ini, kita sedang mengambil

menetapkan beberapa kawasan-kawasan yang kita fikir boleh digunakan untuk menempatkan industri-industri yang perlukan tanah ini dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, memang sekali Kementerian Wilayah Persekutuan tidak mahu menyusahkan para pemilik-pemilik industri-industri kecil dan apa yang Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi sekiranya Kementerian boleh menimbang dan menghentikan tindakan undang-undang jika sekiranya industri-industri tidak membawa masalah.

Saya dimaklumkan terdapat industri-industri yang ada di Wilayah Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebanyakannya sebahagian besar daripada industri-industri di sini membawa masalah. Kalau sekiranya ada industri yang tidak membawa sesuatu masalah atau masalah yang kecil, mungkin kita boleh pertimbangkan. Tetapi kebanyakan membawa masalah-masalah mencemarkan alam sekitar, yang mana kita mahu Wilayah Persekutuan khususnya Bandaraya Kuala Lumpur kita indahkan, kita percantikan, maka dengan itu sekiranya ada industri-industri yang dalam pandangan Ahli Yang Berhormat itu tidak membawa sebarang masalah bolehlah kemukakan kepada Kementerian, kita akan pertimbangkan, tetapi hasrat kita dalam mengaturkan pemindahan industri-industri supaya kita dapat satu bandaraya yang teratur daripada perkhidmatan yang kita beri dan juga industri-industri kecil yang kita akan tempatkan di sekitar sempadan Wilayah Persekutuan dengan negeri-negeri yang lain.

AKTA UNDANG-UNDANG SIVIL—KEDUDUKAN

9. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar bahawa

Akta Undang-undang Sivil yang telah diluluskan oleh Parlimen dibuat dengan terburu-buru. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah kedudukan yang sebenarnya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat ini semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 26hb Oktober, 1984. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMANSUHKAN

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada kenyataan beliau di Auckland pada Ogos tahun ini, iaitu bahaya komunisma dan pelampau Islam tidak akan menjejaskan cuaca sihat pemodalan dalam Malaysia, adakah Kerajaan bersedia memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan dalam negara kita pada masa ini adalah tenteram dan terkawal walaupun masih terdapat ancaman dari kegiatan-kegiatan segelintir anasir komunis, kumpulan-kumpulan pelampau dan anti-nasional.

Kerajaan telah berjaya membendung ancaman-ancaman ini serta mewujudkan suasana aman dan tenteram. Kejayaan ini adalah kerana adanya peraturan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 yang membantu mencegah dengan berkesan kegiatan-kegiatan tersebut dari merebak. Justeru itu, Kerajaan belum lagi bercadang untuk

memansuhkan Akta dan Peraturan-peraturan tersebut.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apakah pendirian akan diambil oleh Kerajaan terhadap kedua-dua laporan yang dikeluarkan baru-baru ini, iaitu Laporan Tahunan Amnesty International. Yang kedua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, laporan apa itu?

Tuan Sim Kwang Yang: Laporan Tahunan 1984 Amnesty International. Yang kedua, laporan 7 orang peguam-peguam hak kemanusiaan yang melawat negara kita yang mengkritik aspek-aspek pelaksanaan ISA serta membuat cadangan terhadap kemungkinan untuk mengkaji semula aspek-aspek itu dalam ISA.

Soalan yang kedua, akankah pihak Kerajaan memberi perhatian kepada komen-komen dan pandangan-pandangan antarabangsa ataupun pihak Kerajaan menimbangkan pandangan itu seperti 'pressure group' sahaja dan tidak perlu diberi perhatian.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kerajaan mengambil perhatian terhadap teguran yang terkandung dalam laporan-laporan dan juga yang dibawa ke negara ini oleh peguam-peguam yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bahkan apabila peguam-peguam tersebut berada di negara kita, Kerajaan memberi kebebasan kepada mereka untuk melawat dan mengkaji dengan begitu terperinci keadaan-keadaan mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Suruhanjaya Hak-hak Perikemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu telah pun

memansuhkan nama Malaysia dari senarai negeri-negeri yang melanggar syarat-syarat hak-hak perikemanusiaan. Walau bagaimanapun, ini hanya sebagai mengakui bahawa Malaysia adalah diantara negara-negara yang melaksanakan undang-undangnya dengan cara adil dan saksama. Tetapi sepertimana yang saya tegaskan tadi, ini bukanlah bermakna bahawa ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak lagi wujud. Kita haruslah berwaspada kerana sepertimana juga saya terangkan tadi, negara kita masih menghadapi ancaman dari penganas komunis, kumpulan-kumpulan pelampau, anasir-anasir subversif dan anti-nasional.

HUTAN BAKAU—KEMAJUAN “AQUACULTURE”

11. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa di Semenanjung Malaysia ada lebih kurang 600,000 hektar kawasan paya kayu bakau yang belum diteroka; dan
- (b) jika ya, apakah tindakan yang telah atau akan diambil bagi kemajuan “aquaculture” dalam bentuk yang lebih sistematik dan segera memandangkan berkurangnya hasil tangkapan ikan dari kawasan tangkapan ikan tradisional.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Kementerian Pertanian sedar bahawa terdapat kawasan bakau yang belum diterokai seluas 570,000 hektar di sepanjang-panjang pantai negara ini, iaitu 113,000 hektar di Semenanjung Malaysia, 284 hektar di Sabah dan 173,000 hektar di Sarawak.

- (b) Selaras dengan Dasar Pertanian Negara, aktiviti ternak air akan dipergiatkan lagi untuk menampung keperluan bekalan ikan negara. Selaras dengan dasar ini juga, perusahaan ternak air secara ‘commercial’ dan besar-besaran adalah digalakkan.

Berhubung dengan pembangunan hutan bakau untuk aktiviti ternak air payau, perkara ini telah dimasukkan di dalam penggubalan strategi dan program Dasar Pertanian Negara. Walau bagaimanapun, memandangkan kawasan hutan bakau ini berkaitan dengan ekologi samudra, adalah penting supaya apa-apa aktiviti ternak air yang dicadangkan di kawasan ini dijalankan dengan kadar yang sederhana supaya tidak menjejaskan ekologi semula jadi kawasan tersebut.

Perkhidmatan pembangunan juga diberikan dalam usaha menggalak dan memajukan aktiviti ternak air dan di antara perkhidmatan yang diberikan adalah seperti berikut:

- (1) mengenalpasti kawasan-kawasan sesuai untuk projek ternak air;
- (2) membantu serta membimbing penternak-penternak ikan dalam pengurusan dan penyelenggaraan kolam;
- (3) memberi latihan untuk menambahkan kemahiran penternak dan pengeluaran ternak air;
- (4) mengadakan pengawasan ke atas prestasi projek;
- (5) pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit ikan;
- (6) perkhidmatan selepas pengutipan hasil, seperti memberi khidmat nasihat ke atas pengendalian ikan dan berhubung dengan agensi-agensi lain untuk menenuhi keperluan penternak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 12 dan mohon izin membetulkan, "mengata darah orang UMNO itu halal".

FATWA KAFIR-MENKAFIR— TINDAKAN

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa orang yang tidak berhak mengeluarkan fatwa kafir mengkafir dan mengata darah orang UMNO itu halal, adalah merupakan orang yang mengganggu dan mengancam ketenteraman awam. Jika sedar, apakah tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat itu.

14-11-1984

6. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah wabak kafir-mengkafir di antara sesama Islam di negara ini telah dapat dibendung dan sejauh manakah kejayaan Kanun Keseksaan yang telah dipinda tidak lama dahulu dapat menyeret orang-orang bersalah ini ke muka pengadilan dan berapa ramaikah yang telah dihukum.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil kesempatan di sini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi soalan yang hampir sama oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang untuk dijawab pada 14-11-1984.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang

Berhormat, tindakan kafir-mengkafir sesama Islam dikesan di Kelantan sejak tahun 1963 lagi dan seterusnya di Terengganu dan lain-lain kawasan di Semenanjung. Kegiatan ini telah menjejaskan perpaduan umat Islam dan mengugut keselamatan dan ketenteraman negara.

Dalam usaha mengatasi masalah ini, beberapa tindakan positif telah dikendalikan oleh pihak Kerajaan di samping pendakwaan yang dilakukan oleh Jabatan-jabatan Agama di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi negeri-negeri yang berkenaan. Antara tindakan tegas yang dilakukan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (1) tindakan buang daerah di bawah Enakmen Kediaman Terhad, Bab 29;
- (2) tangkapan di bawah seksyen 298A, Kanun Keseksaan. Sejumlah 26 orang dari Terengganu dan 2 orang dari Perak telah ditangkap kerana memainkan peranan utama dalam kegiatan sembahyang berasingan di surau-surau, kelab-kelab atau di tempat-tempat yang tidak ditauliahkan oleh Raja memerintah untuk mendirikan sembahyang Jumaat;
- (3) tahanan di bawaan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan memanglah sedar dan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan orang tertentu yang mengeluarkan fatwa kafir-mengkafir sesama orang Islam sama ada kegiatan ini dari golongan pelampau agama atau dari mereka yang bertanggungjawab mengeksploitasi isu agama untuk menimbulkan perpecahan perpaduan di kalangan masyarakat Islam. Ke arah ini Kerajaan tidak akan teragak-agak dan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, berapa orang sudah pesalah-pesalah yang telah diambil tindakan buang daerah mengenai kesalahan ini dan begitu juga yang telah diambil tindakan di bawah ISA?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kerana tidak boleh menjawab bahagian pertama soalan itu, sebabnya soalan itu terlampau luas dan kerana Undang-undang Enakmen Kediaman Terhadap Bab 39 ini memang telah wujud begitu lama. Tetapi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri buat sekarang ini 7 orang telah ditahan di bawah Akta tersebut kerana menjalankan kegiatan agama yang menghasilkan umat-umat Islam.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Oleh kerana di dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat sekejap tadi di antara usaha-usaha untuk membanteras ini tidak terdapat masalah debat yang dianjurkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah ini dan saya kira debat ini perkara yang amat penting, maka soalnya bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi jaminan bahawa majlis debat ini pasti berlaku, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya itu tak ada bersangkutan dengan soalan yang dihadapan kita berkenaan dengan perdebatan. Tetapi adakah Yang Berhormat hendak jawab?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini memang saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa soalan ini tidak ada bersangkutan-paut dengan soalan asal. Saya menjaga keselamatan, tetapi saya ingin tegaskan di sini jika debat

itu berjalan, keadaan keselamatan akan terkawal pada hari itu. Menunggulah, insya Allah.

BAHAGIAN PENYIASATAN JENAYAH POLIS

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau mengetahui dalam tempoh satu-dua tahun kebelakangan ini Bahagian Penyiasatan Jenayah Polis jarang-jarang berjaya mengatasi kes-kes pembunuhan dan apakah sebab-sebabnya, dan sama ada cara siasatan dan organisasi polis akan diperkuatkan untuk menyelesaikan kes-kes ini dengan lebih berkesan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa sejak satu, dua tahun kebelakangan ini, pihak Polis jarang-jarang benar berjaya mengatasi kes-kes pembunuhan. Peratusan kes-kes bunuh yang dapat diselesaikan adalah seperti berikut:

1982	70%
1983	57%
1984 (sehingga bulan Jun)	..	69%

Perangkaan tersebut menunjukkan bahawa satu pencapaian yang tinggi telah dapat dihasilkan oleh pihak Polis dalam menyelesaikan kes-kes bunuh di negara ini. Pihak Polis sentiasa menjalankan penyiasatan yang teliti, rapi serta bersungguh-sungguh terhadap semua kes jenayah pembunuhan. Justeru dari usaha yang bersungguh-sungguh itulah menyebabkan jenayah pembunuhan itu mencapai kadar penyelesaian yang paling tinggi berbanding dengan jenayah-jenayah yang lain.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah siasatan dalam kes pembunuhan bekas Ketua Polis Negara, Allahyarham Dato Abdul Rahman dalam tahun 1974 sudah

selesai. Jikalau tidak selesai, apa sebab-sebab tidak selesai, jikalau ada siasatan, apa hasil siasatan itu samai hari ini. 10 tahun selepas kejadian itu dalam tahun 1974.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya terangkan dalam jawapan saya tadi saya tidak menyatakan bahawa dalam menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes pembunuhan yang berlaku di negara ini pihak Polis mencapai kejayaan 100%. Kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih dalam siasatan pihak Polis.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, belum lagi dijawab soalan itu. Jikalau ada siasatan, apa hasil siasatan sampai sekarang ini, bukan belum habis siasatan. 10 tahun sudah, bukan satu, dua tahun.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum, sebagai seorang peguam terdapat kes-kes yang kompleks di mana akan mengambil masa bukan hanya 10 tahun, bahkan lebih daripada 10 tahun. Ini merupakan kes yang terlibat seorang VIP, dengan izin, jadi terpaksa pihak Polis mengambil masa yang begitu lama.

PERABOT BARU MENTERI- MENTERI

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Menteri untuk membuat renovasi dan membeli perabot-perabot untuk pejabat mereka apabila mereka menyandang portfolio baru semenjak rombakan kabinet baru-baru ini, dengan memberikan angka-angka bagi setiap orang Menteri tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang telah

dibelanjakan oleh Menteri-menteri untuk membuat renovasi dan membeli perabot-perabot baru apabila menyandang portfolio baru berikutan dari rombakan Kabinet baru-baru ini ialah kira-kira \$66,450. Angka-angka perbelanjaan bagi setiap orang Menteri yang berkenaan adalah seperti berikut:

Yang Berhormat Menteri Pelajaran	\$27,173
Yang Berhormat Menteri Luar Negeri	\$ 7,267
Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat	\$32,010

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang, sama ada Kerajaan berhentikan segala pelan-pelan pejabat Kerajaan untuk membuat renovasi ke atas pejabat mereka?

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, di mana Yang Berhormat Ahli dari Sungai Besi faham, Menteri-menteri ialah mewakili negara dan apabila perlu membuat renovasi dan juga membeli perabot-perabot baru bukan oleh kerana mereka sendiri hendak buat begitu tetapi oleh kerana sebagai wakil negara Menteri-menteri adalah sentiasa dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin dari negara-negara asing dan saya ingat walaupun kita ada menghadapi kemelesetan ekonomi, kita pun tidak mahu memberi satu gambaran kemerosotan ekonomi yang begitu merosot sampai Kerajaan tak boleh mengganti perabot-perabot yang rosak dengan perabot-perabot baru untuk Menteri-menteri baru kita.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan. Tuan Speaker, adakah satu Timbalan Menteri berkenaan seperti Timbalan Menteri di sana yang mengkhianati parti sendiri, GERAKAN, masuk MCA dan barangkali lagi dua, tiga hari lagi satu Menteri seperti itu ada hak untuk buang wang negara dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu, (*Ketawa*) tak bersangkut.

JABATAN AUDIT NEGARA— MASALAH

15. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah badan orang tengah atau Penal Bebas untuk mengkaji dari masa ke semasa masalah yang dihadapi oleh Jabatan Audit Negara yang boleh disaran oleh Ketua Audit Negara.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai kemampuan pada masa ini untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Jabatan Audit Negara. Oleh hal yang demikian, penubuhan sebuah badan atau Penal Bebas tidak berbangkit.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa Kerajaan berkeupayaan untuk mengatasinya. Adakah Kerajaan sedar bahawa penyata-penyata kewangan yang dimasukkan ke dalam Dewan yang mulia ini telah begitu ketinggalan sehingga tahun 1971. Soal yang pertama.

Soal yang kedua, apakah keupayaan Kerajaan untuk dikenakan kepada badan-badan Kerajaan dan badan-badan Kerajaan Negeri yang tidak menyediakan penyata kewangannya daripada tahun 1977 hingga sekarang.

Dan soalan yang ketiga, apakah teguran-teguran oleh pihak Juru Audit ini terhadap badan-badan Kerajaan yang tidak dijawab oleh Jabatan-jabatan berkenaan. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, penyata-penyata yang ketinggalan itu adalah bukan masalah

menubuhkan satu panel yang bebas tetapi masalah mempertingkatkan lagi prestasi pegawai-pegawai ataupun menambahkan lagi kakitangan untuk mengemaskan ketinggalan-ketinggalan itu. Begitu juga di peringkat negeri kebanyakan kelambatan untuk menjawab "query" dengan izin, ataupun soalan-soalan Audit daripada Jabatan Audit Negara adalah juga disebabkan oleh kekurangan kakitangan untuk mendapati butir-butir akaun-akaun ataupun jawapan-jawapan yang mantap untuk diutarakan kejawapan Ketua Audit Negara di peringkat negeri.

Teguran-teguran daripada Jabatan Audit Negara memang sentiasa dibuat secara bertulis dan kebiasaannya Jabatan Audit Negara meminta supaya teguran-teguran itu ditandatangani sebagai telah diterima oleh yang ditegur. Jadi keseluruhannya ini bukanlah soal menubuhkan satu agensi atau satu panel lagi yang mungkin juga tidak dapat bergerak dan menyelesaikan hal-hal ini. Ini adalah soal kekurangan kakitangan dan kekurangan pekerja yang cekap di sana sini yang mana kita hadapi dan sentiasa cuba diperbaiki di negara kita.

CARUMAN RAKYAT MALAYSIA DI CPF SINGAPURA

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kewangan menerangkan benarkah wang "Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" (EPF) kita masih berada dalam simpanan Kerajaan Singapura, jika ada berapa banyak, dan apa tindakan selanjutnya tentang wang tersebut.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar bahawa wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP ada disimpan dalam simpanan Kerajaan

negeri Singapura. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah caruman oleh rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura kepada Central Provident Fund (CPF) Singapura.

Wang caruman ini mungkin masih berada dengan CPF Singapura walaupun pekerja-pekerja ini telah balik ke Malaysia dan tidak lagi bekerja di Singapura. Jumlah simpanan ini tidak dapat dipastikan tetapi dipercayai kecil sahaja.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pekerja-pekerja ini merupakan ahli CPF Singapura mereka boleh mengeluarkan caruman mereka mengikut syarat-syarat pengeluaran CPF Singapura.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau ada rakyat kita mencarum kepada CPF Singapura, apakah pihak EPF tidak boleh meminta wang itu disumbang balik kepada EPF dan kemungkinan orang yang berkenaan juga balik berkhidmat dengan negara kita, mungkin wang CPF itu diberi balik dan dimasukkan ke dalam EPF?

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, jikalau pekerja-pekerja yang dimaksudkan ingin hendak mengeluarkan wang-wang pencaruman mereka, mereka dengan sendirinya boleh membuat permohonan dan ada syarat-syarat tertentu pengeluaran di bawah seksyen 12 Akta Central Provident Fund Singapura di mana seseorang pencarum boleh mengeluarkan kesemua caruman mereka di CPF dalam keadaan di mana beliau telah mencapai umur 55 tahun, tidak berupaya dari segi mental atau fizikal untuk bekerja lagi, atau hendak meninggalkan Singapura dan Malaysia. Bagi mereka yang

berwarganegaraan Malaysia dan hendak kembali ke Malaysia, mereka boleh mengeluarkan semua caruman mereka jika mereka memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) mempunyai kebuktian kewarganegaraan Malaysia;
- (b) telah mencapai umur 50 tahun;
- (c) telah meninggalkan Singapura dan bermastautin di Malaysia;
- (d) telah disahkan tidak bekerja di Singapura selama dua tahun sebelum pengeluaran dibuat; dan
- (e) tidak memegang permit kerja di Singapura.

Dan dengan syarat-syarat ini tidak adalah peruntukan untuk diberi kepada EPF mengeluarkan wang pencaruman ini bagi pihak pekerja-pekerja itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 17 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

KONTRAKTOR ANTARABANGSA DALAM KERJA PEMBINAAN

15. Tuan Haji Seroji bin Haji Harun minta Menteri Kerja Raya menyatakan faedah-faedah utama yang diperolehi dari memberi lebih banyak peluang kepada pemborong-pemborong antarabangsa semenjak dilancarkan dasar terbuka oleh Kerajaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Terlebih dahulu suka saya menjelaskan di sini bahawa kontraktor-kontraktor antarabangsa hanya diberi peluang untuk menyertai tawaran dalam kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek yang besar sahaja.

Manakala kerja-kerja pembinaan yang lain dikhaskan kepada kontraktor tempatan. Saya juga suka menjelaskan bahawa penyertaan kontraktor antarabangsa ini ada kalanya tidak dapat dielakkan oleh kerana ia menjadi sebahagian daripada syarat-syarat pinjaman agensi-agensi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan sebagainya.

Di antara faedah-faedah yang diperolehi dari penyertaan kontraktor-kontraktor antarabangsa ialah dengan penyertaan mereka harga tawaran bagi sesuatu projek akan menjadi lebih "competitive" jika dibandingkan dengan tawaran yang dikhaskan kepada kontraktor tempatan sahaja. Dengan harga yang lebih rendah ini, ia sudah tentu akan menguntungkan pihak yang memiliki projek tersebut.

Kontraktor-kontraktor antarabangsa juga memperkenalkan beberapa teknologi binaan yang belum digunakan di negara ini. Teknologi baru seperti "steel framed construction", "lift-slab construction" dan "steel scaffolding" adalah di antara teknologi yang telah diperkenalkan oleh kontraktor asing yang boleh mempercepatkan tempoh pembinaan sesuatu projek. Dengan adanya pengenalan teknologi baru ini, rakyat negara ini juga dapat mempelajarinya melalui latihan-latihan sambil bekerja serta latihan khas yang diadakan di negara kontraktor itu sendiri.

Kontraktor-kontraktor antarabangsa juga mempunyai kewangan yang kukuh untuk menjalankan sesuatu projek pembinaan tersebut. Ini membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan lancar tanpa menunggu bayaran terlebih dahulu atau persetujuan kadar harga. Dengan itu, projek akan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan ada

kalanya lebih cepat daripada yang dijadualkan.

Selain daripada itu, kontraktor-kontraktor antarabangsa juga mempunyai organisasi yang teratur dan kemas. Dengan adanya kakitangan profesional yang ramai, mereka boleh mencapai mutu pengawasan kerja yang lebih tinggi. Mereka juga memandang berat soal disiplin serta langkah-langkah untuk mengelakkan kemalangan di tapak bina. Semua ini dapat dipelajari oleh kontraktor-kontraktor tempatan.

PEJABAT POS BERGERAK

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kejayaan yang telah dicapai dan sambutan orang ramai terhadap "Pejabat Pos Bergerak". Adakah ianya menyediakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan Pos yang lengkap ke kampung-kampung dan rancangan-rancangan Kemajuan Tanah. Berapakah bilangannya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak masing-masingnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Pejabat Pos Bergerak yang dimulakan dalam tahun 1957 menyediakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan pos yang lengkap terutama sekali kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan tindakan-tindakan sentiasa diambil bagi memperbaiki dan menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan yang belum diadakan misalnya mulai dari 1hb Ogos 1977, perkhidmatan Kiriman Wang dan Kiriman Wang Pos telah diperkenalkan dan mulai daripada 1hb Januari 1983, perkhidmatan mengutip dan menerima bayaran bil-bil setempat di luar bandar pula telah diadakan. Sambutan dari orang ramai amat menggalakkan dengan adanya

kemudahan-kemudahan untuk membayar bil-bil letrik dan air serta kiriman wang di Pejabat Pos-Pejabat Pos Bergerak tersebut oleh kerana dengan adanya perkhidmatan mengutip bayaran bil-bil tersebut di Pejabat-pejabat Pos Bergerak, penduduk-penduduk luar bandar tidak payah lagi datang ke Pejabat-pejabat berkenaan di bandar-bandar untuk membuat bayaran. Di samping itu sebagai contoh, mereka juga boleh mengepos surat-surat mereka, atau mengirim wang, kepada anak-anak mereka yang sedang menuntut di tempat-tempat lain.

Jabatan Perkhidmatan Pos memang bercadang akan memperluaskan lagi dari masa ke semasa perkhidmatan Pejabat Pos Bergerak ke merata-rata tempat terutama sekali ke kawasan-kawasan perumahan di luar bandar termasuk kawasan Rancangan Kemajuan Tanah.

Sehingga hari ini sebanyak 234 buah pejabat pos bergerak telah diadakan di seluruh negara dan pecahannya adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia ..	197 buah
Sabah	18 buah
Sarawak	19 buah

AIRBUS MAS—LAPORAN KEMALANGAN

18. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menerbitkan laporan mengenai hempanan Kapal terbang Airbus MAS pada bulan Disember tahun lalu: jika tidak, mengapa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Laporan mengenai kemalangan pesawat Airbus MAS yang berlaku di Kampung Melayu, Subang pada 18hb Disember, 1983 itu telah pun dikeluarkan untuk pengetahuan umum pada 1hb

November, 1984. Berhubung dengan ini pihak Jabatan Penerbangan Awam sedang mengambil tindakan untuk mencetak salinan-salinan laporan tersebut dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta orang ramai bolehlah memperolehi salinan laporan berkenaan daripada Jabatan tersebut apabila pencetakannya siap nanti.

KENDERAAN MOTOR— BILANGAN

19. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kenderaan motor yang didaftarkan dalam tahun 1984 (hingga Jun), 1983, 1982, 1981;
- (b) pertambahan dalam muatan bawaan jalan (road carrying capacity) dalam tahun 1984 (hingga Jun), 1983, 1982, 1981;
- (c) kesanggupan penyenggaraan jalan berkaitan dengan (a) dan (b);
- (d) memandangkan banyak kelemahan sistem pengangkutan sekarang adakah Menteri berkenaan akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya mencantumkan Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Perusahaan Awam; dan
- (e) sama ada beliau akan menyusun satu dasar Pengangkutan Kerajaan. Jika tidak, kenapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

- (a) Bilangan kenderaan motor yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1984 hanya dapat dikumpulkan

hingga bulan April sahaja. Bilangan kenderaan motor yang didaftar pada tahun-tahun 1981, 1982, 1983 dan 1984 (sehingga bulan April) adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kenderaan</i>
1981	286,811
1982	307,891
1983	328,767
1984 (Jun-April)	105,391

(b) Pertambahan di dalam muatan bawaan jalan (road carrying

capacity) adalah lebih wajar dinyatakan dari segi pertambahan panjang jalan-jalan raya yang baru dibina, dibesarkan dan diperbaiki. Semenjak tahun 1981 sehingga 1984 (hingga bulan Jun) jumlah panjang (jalan-jalan yang dibina dan diperbaiki (tidak termasuk jalan-jalan negeri kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa dan jagaan Kerajaan Negeri masing-masing) adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Panjang jalan yang dibina (km)</i>	<i>Panjang jalan yang diperbaiki (km)</i>
1981.. .. .	274	274
1982.. .. .	349	347
1983.. .. .	847	318
1984 (hingga Jun) ..	259	98
JUMLAH ..	1729	1037

(c) Jika peruntukan mencukupi, Jabatan Kerja Raya mempunyai keupayaan untuk menyelenggara jalan raya-jalan raya bagi menampung pertambahan lalulintas (trafik).

(d) Perkara mengenai mencantumkan Jabatan Pengangkutan Jalan dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan adalah sedang diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perusahaan Awam.

(e) Dasar Pengangkutan Negara adalah sedang digubal pada masa ini oleh satu Jawatankuasa Petugas di Kementerian Pengangkutan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (6hb November, 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut" (6hb November, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

3.38 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan telah membuat beberapa syor ataupun cadangan. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka yang telah memberi perhatian kepada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh tentang perlunya mengadakan perpustakaan di kawasan luar bandar sebagai satu usaha untuk

menanamkan sikap suka membaca di kalangan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Cadangan ini adalah baik dan perlu dijelaskan bahawa beberapa agensi persekutuan dan negeri terlibat dalam perkhidmatan perpustakaan di kawasan luar bandar iaitu KEMAS, FELDA, serta Perbadanan-perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Kerajaan Pusat melalui Perpustakaan Negara membantu mereka dengan memberi bantuan kewangan dan nasihat teknik.

Untuk tujuan ini, perkhidmatan perpustakaan telah diperluaskan di kawasan luar bandar melalui perpustakaan awam negeri, perpustakaan cawangan, perpustakaan mini, khutub-khanah desa, bilik-bilik bacaan, pinjaman kelompok dan perkhidmatan perpustakaan bergerak.

Ini adalah selaras dengan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk memodenkan masyarakat luar bandar dengan menyediakan kemudahan sosial ini dan seterusnya memberi peluang yang sama antara mereka yang berpendapatan rendah dan berpendapatan tinggi untuk menggunakan bahan perpustakaan dengan bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dan seterusnya meninggikan taraf ekonomi mereka.

Sehingga kini, jumlah perpustakaan dan bilik-bilik bacaan ini, tidak termasuk unit perpustakaan bergerak, telah meningkat ke angka 237 di seluruh Malaysia. Terdapat 42 buah perpustakaan bergerak yang sedang memberi khidmat kepada 488 perhentian. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada awal tahun ini telah melancarkan penubuhan beberapa perpustakaan mini di Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah. Perkhidmatan ini akan diperluaskan di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Penduduk-penduduk kawasan luar bandar mempunyai peluang untuk menikmati perkhidmatan perpustakaan itu. Ini adalah kerana kebanyakan perpustakaan-perpustakaan itu terletak di pusat-pusat bandar kecil yang menjadi tumpuan penduduk-penduduk kawasan tersebut. Di samping itu tujuan utama perkhidmatan perpustakaan bergerak adalah untuk menyampaikan bahan-bahan perpustakaan kepada penduduk luar bandar yang tidak dapat datang ke bandar-bandar kecil.

Perlu ditegaskan bahawa hasrat Kerajaan adalah untuk memperluaskan lagi perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara terutama sekali ke kawasan-kawasan luar bandar. Usaha-usaha ini akan dipusatkan lagi untuk mencapai tujuan mengadakan perkhidmatan perpustakaan di tiap-tiap daerah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus berpendapat bahawa program sukan tidak diminati oleh orang ramai dan juga olahragawan dan olahragawati negara sentiasa kalah di pertandingan peringkat antarabangsa. Beliau berpendapat peruntukan yang diberikan kepada program sukan adalah agak besar jumlahnya jika dibandingkan dengan faedah yang didapati daripadanya. Ahli Yang Berhormat itu seterusnya mencadangkan supaya peruntukan kepada program sukan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah perbelanjaan mengurus tahun 1985 hanya berjumlah \$35,876,500. Daripada jumlah tersebut hanya \$4,111,900 sahaja diperuntukkan bagi pengurusan dan aktiviti di bawah program sukan yang dilaksanakan oleh Bahagian Sukan Kementerian dan Majlis Sukan Negara.

Peruntukan ini adalah termasuk gaji dan lain-lain perbelanjaan mengurus dan yang selebihnya sebanyak \$1,962,900 sahaja yang merupakan peruntukan sebenar bagi aktiviti-aktiviti sukan. Berdasarkan kepada jumlah penduduk Malaysia iaitu 15.655 juta (menurut unjuran Laporan Ekonomi 1984/1985) pada tahun 1985, maka dengan perbelanjaan tersebut bermakna jumlah ini amat kecil sekiranya dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan Mengurus Belanjawan Persekutuan tahun 1985 yang berjumlah \$21.5 billion.

Saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan mengenai tujuan program sukan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tujuan utama program sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bukan sahaja untuk tujuan prestasi tinggi atau menang pertandingan di peringkat antarabangsa sahaja tetapi juga merangkumi aspek-aspek penting dalam pembangunan sosial dan secara ringkas tujuan program sukan Kementerian saya adalah:

- (1) untuk meramaikan bilangan rakyat mengamalkan cara hidup yang kreatif melalui kegiatan fizikal ke arah peningkatan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat;
- (2) untuk mengujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu yang mempunyai nilai-nilai dan semangat kesukanan yang tinggi; dan
- (3) untuk mengujudkan rakyat yang sihat, rakyat yang cergas dan berdisiplin ke arah pembinaan negara melalui peningkatan di dalam mutu kesihatan dan produktiviti.

Perlulah bagi saya menegaskan bahawa penyertaan di sebahagian pertandingan antarabangsa adalah

berasaskan kepada kelayakan-kelayakan yang telah ditetapkan oleh badan-badan sukan antarabangsa. Hanya negara-negara yang mempunyai mutu sukan yang tertentu layak dipilih untuk menyertai pertandingan-pertandingan itu. Di samping itu tujuan penyertaan di dalam pertandingan di peringkat antarabangsa bukan sahaja untuk menang tetapi juga untuk tujuan-tujuan lain seperti pendedahan, pengalaman dan untuk mengeratkan lagi tali persahabatan.

Walaupun demikian, Kementerian saya sentiasa cuba untuk menentukan prestasi olahragawan-olahragawati kita yang bertanding di peringkat antarabangsa dipertingkatkan lagi melalui berbagai aktiviti yang sedang diatur seperti menambah kemudahan-kemudahan sukan, memperkukuh, mengemaskan dan memperbaiki lagi pentadbiran persatuan-persatuan sukan yang mengelolakan berbagai acara sukan dan mengadakan skim peransang bagi ahli-ahli sukan yang bertanggungjawab untuk membantu athlit-athlit yang tertentu, mempertingkatkan mutu latihan mereka dan mengadakan rancangan-rancangan latihan bagi pegawai dan jurulatih di dalam negeri dan di luar negeri.

Sejak tahun 1982, Majlis Sukan Negara Malaysia telah dihidupkan semula dengan tujuan memberi perhatian dan keutamaan untuk mencapai kegemilangan di dalam sukan iaitu yang sentiasa disebut "Sukan Prestasi Tinggi". Juga kita sedang merancang dengan pesatnya penubuhan Institut Sukan Negara yang bertujuan tidak lain dan tidak bukan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara kita.

Selain daripada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi mutu sukan di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberi

perhatian yang sewajarnya untuk melibatkan semua lapisan dan golongan penduduk negara ini dalam kegiatan-kegiatan sukan dan riadah. Tindakan ini diambil kerana kita sedar betapa pentingnya sukan sebagai alat untuk menambah produktiviti negara. Sekiranya ramai di antara mereka melibatkan diri dengan kegiatan sukan dan riadah ini akan mengurangkan kekerapan, dengan izin, "absenteeism" kerana sakit.

Program sukan dan riadah Kementerian juga memberi peluang kepada belia-belia untuk mengisi masa lapang mereka dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah untuk menghindarkan dari terjerumus dalam aktiviti-aktiviti seperti penyalahgunaan dadah dan jenayah. Program sukan juga dapat mempereratkan perhubungan antara kaum di kawasan bandar dan luar bandar. Ia juga boleh menolong mengelak daripada berlakunya polarisasi kaum di samping menggalakkan integrasi nasional. Melalui sukan juga kita boleh memupuk kesedaran terhadap pentingnya semangat kewarganegaraan serta mengukuhkan perasaan nasionalisme.

Dalam hubungan ini, saya amat gembira untuk mendengar pandangan Ahli yang Berhormat dari Baling yang menyentuh tentang keinginan beliau melihat belia-belia luar bandar berpeluang berkecimpung dalam permainan sukan. Oleh itu beliau bercadang supaya diadakan padang permainan untuk belia-belia luar bandar sekurang-kurangnya dua padang permainan untuk setiap mukim di negara ini. Cadangan ini adalah baik dan patut digalakkan dan pada hakikatnya Kementerian saya memang ada program untuk memperbanyakkan lagi kemudahan sukan di kawasan luar bandar dan bandar-banadar kecil.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program itu terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu kerana keadaan ekonomi negara kita tidak mengizinkan. Perlulah ditegaskan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar adalah menjadi tanggungjawab banyak pihak. Dalam hal ini Kementerian saya memohon kerjasama daripada pihak swasta, agensi-agensi Kerajaan, pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, pertubuhan-pertubuhan sukarela supaya dapat bekerjasama membina kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar.

Baru-baru ini saya telah pun berjumpa dengan wakil-wakil persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan meminta pandangan dan cadangan mereka untuk mengatasi masalah-masalah itu. Banyak daripada mereka telah mengeluarkan pendapat yang berfaedah yang akan diambil kira dalam mencari jalan mengatasi masalah-masalah di samping meningkatkan mutu sukan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok pula telah menyentuh tentang kekurangan alatan pejabat seperti perabot, mesin taip, mesin pendua dan juga keadaan pejabat yang kurang memuaskan di Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan peringkat negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar dan saya sendiri sedar akan kekurangan tersebut. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya kemudahan di peringkat ibu pejabat negeri bolehlah dikatakan memuaskan tetapi keadaan di peringkat daerah adalah kurang memuaskan oleh kerana peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini adalah terhad. Tindakan sedang diambil untuk

mengatasi masalah ini secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ulasan saya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Kementerian ini dan di mana perkara-perkara yang saya tidak jawab, insya-Allah saya akan ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

3.50 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai belanjawan Kementerian Pelajaran dan juga kepada cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dan teguran-teguran yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan dalam perbincangan yang telah berjalan selama ini dan sukalah saya menyatakan bahawasanya tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang ada supaya prestasi Kementerian Pelajaran dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah yang difikirkan boleh meningkatkan prestasi dan kecekapan pentadbiran Kementerian ialah dengan mengadakan langkah-langkah yang bagi melaksanakan segala strategi yang sesuai bagi meningkatkan efficiency dan produktiviti pengurusan pelajaran, sistem fail meja, manual prosedur kerja dan kumpulan meningkatkan mutu kerja Q.C.C. sedang dilaksanakan dengan lancar di Kementerian Pelajaran. Selaras dengan hasrat hendak

mempertingkatkan efficiency dan produktiviti ini juga, saya sukalah memaklumkan di sini, di Dewan yang mulai ini bahawa Kementerian Pelajaran akan menubuhkan bahagian komputernya sendiri pada tahun hadapan. Selain daripada tujuan untuk memodenkan serta meningkatkan kecekapan jentera pengurusan dan pentadbiran pelajaran bahagian komputer ini juga akan memperkemaskan sistem maklumat pengurusan dan pembangunan pelajaran serta memberikan perkhidmatan komputer kepada semua bahagian di Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah di seluruh negara. Dengan adanya data-data yang lengkap terkumpul di bahagian komputer ini, kita akan dapat mengesan dan menilai pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program Kementerian ini supaya unjuran-unjuran yang tepat dan perancangan yang lebih teratur dapat dibentuk bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan juga kepada perkara-perkara yang ditingkatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan program-program yang lain yang juga telah timbul dalam perbahasan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kurikulum sekolah. Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Pontian telah meminta supaya mata pelajaran agama Islam diajar dalam tulisan jawi dan diwajibkan kepada semua pelajar Islam. Suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sudah pun memutuskan untuk melaksanakan perkara ini. Segala persediaan sedang dibuat sekarang supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah meminta pengenalan kepada undang-undang diadakan di sekolah-sekolah kerana ramai rakyat tidak memahami undang-undang negara. Saya suka menerangkan bahawa beberapa aspek undang-undang negara ini sebanyak sedikit telah pun diajarkan mata pelajaran perdagangan dan sivik. Namun begitu, jika difikirkan tidak mencukupi maka perkara ini akan diberi pertimbangan sewajarnya dalam penyusunan semula kurikulum baru sekolah menengah nanti khususnya ke dalam usaha hendak mewujudkan kurikulum berhubung dengan pendidikan kewarganegaraan.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas supaya kurikulum sekolah vokasional dan politeknik diubahsuaikan selaras dengan keperluan negara, suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian saya sedang mengkaji untuk menyusun semula kurikulum pelajaran teknik dan vokasional. Penggubalan semula kurikulum ini antara lain adalah bertujuan untuk memberikan latihan yang lebih komprehensif supaya tahap kemahiran para lulusan sekolah-sekolah ini dapat dipertingkatkan. Dengan ini adalah diharapkan mereka akan benar-benar dapat mengisi keperluan gunatenaga dalam bidang-bidang yang berkenaan serta memberikan sumbangan yang berkenaan kepada pembangunan negara.

Ahli-ahli Berhormat dari Labuk Sugut dan Betong telah mengatakan bahawa prestasi pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak dalam peperiksaan SRP dan SPM masih jauh lebih rendah berbanding dengan prestasi pelajar-pelajar di Semenanjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1982 pencapaian dalam peperiksaan SRP di Sabah ialah 53% dan dalam tahun 1983 ialah 52%. Dalam peperiksaan

SPM pula, pencapaian di Sabah telah meningkat dari 46.4% dalam tahun 1982 kepada 52%. Dalam tahun 1983.

Di Negeri Sarawak pula pencapaian dalam peperiksaan SRP pada tahun 1982 ialah 56.4% dan tahun 1983, 53.1%. Dalam peperiksaan SPM, pencapaian telah meningkat dari 42.3% dalam tahun 1982 kepada 50.4% dalam tahun 1983. Perbandingan tahap pencapaian di Sabah dan Sarawak adalah lebih wajar dibuat dalam perspektif dan latarbelakang pembangunan pelajaran di negeri-negeri tersebut. Bila ditinjau dari segi itu, pencapaian di Sabah dan Sarawak didapati telah banyak meningkat dari tahun-tahun yang lepas. Kemajuan yang besar ini diperolehi hasil pelaburan yang banyak dan kejayaan kita melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan di negeri-negeri tersebut. Kementerian Pelajaran akan terus menyusun dan melaksanakan strategi-strategi yang sesuai dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk mempertingkatkan lagi prestasi pelajaran bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi juga di seluruh negara.

Berhubung dengan ini saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang telah menyuarakan supaya pelajar-pelajar dari luar bandar diberi peluang yang lebih banyak mendapatkan buku perpustakaan dan rujukan untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian saya memanglah memberi perhatian berat kepada perkara ini. Buku-buku perpustakaan di sekolah-sekolah akan ditambah dari masa ke masa mengikut peruntukan kewangan yang diberikan. Selain daripada Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha menubuhkan pusat sumber pelajaran di semua sekolah bagi memperbanyakkan lagi bahan-bahan rujukan pelajaran dan juga

sebagaimana mungkin Ahli Yang Berhormat maklum ada juga negeri-negeri di mana perpustakaan bergerak digunakan dengan tujuan supaya pelajar-pelajar yang ada di sekolah-sekolah di mana kemudahan perpustakaan itu sangat kurang akan dapat berpeluang meminjam buku-buku daripada perpustakaan bergerak itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut juga telah membangkitkan masalah kekurangan buku teks di sekolah-sekolah di Sabah. Suka saya terangkan bahawa masalah kekurangan buku teks tidak timbul kerana semua sekolah yang berhak mendapat bantuan buku teks telah pun dibekalkan dengan sepenuhnya. Kementerian ini menyedari ada berlaku kelewatan dalam membekalkan buku-buku ini di sekolah-sekolah di pedalaman. Ini berlaku kerana masalah pengangkutan, namun begitu Kementerian saya sentiasa akan berusaha untuk menentukan bahawa semua buku sampai ke tangan pelajar-pelajar pada permulaan minggu pertama persekolahan, insya Allah, dan bagi tahun 1985 itulah usaha yang sedang dijalankan supaya minggu pertama nanti buku-buku yang diperlukan itu boleh didapati.

Mengenai buku yang ditulis oleh Encik Mohd. Mansor bin Abdullah yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang mengenai perkara-perkara yang menyinggung perasaan sesuatu kaum dan memecahbelahkan perpaduan rakyat di negara ini, saya ingin menerangkan bahawa buku yang berkenaan bukanlah buku teks yang diluluskan oleh Kementerian. Buku tersebut adalah untuk bacaan tambahan sahaja dalam bidang kesusasteraan. Buku itu boleh didapati dalam pasaran. Namun begitu, Kementerian Pelajaran

memanglah memberi perhatian berat tentang isu-isu perkauman di sekolah-sekolah dan usaha-usaha sentiasa dijalankan bagi memastikan supaya buku-buku teks sekolah mengandungi perkara-perkara yang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat serta menanam semangat taat setia dan cintakan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa dibentuk bagi menggubal satu dasar untuk memberi bantuan pelajaran kepada golongan setinggan. Saya suka menerangkan di sini bahawa selaras dengan Dasar Ekonomi Baru memang memberi perhatian berat untuk menyediakan kemudahan persekolahan yang secukupnya kepada golongan yang tidak beruntung termasuk golongan setinggan dalam pemberian buku-buku teks dan biasiswa, juga kelonggaran dan keutamaan ada diberi kepada golongan ini. Di samping itu dasar pengambilan masuk ke sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah rancangan khas yang dilaksanakan mulai 1983 juga memberi 70% tempat kepada pelajar-pelajar dari luar bandar dan golongan yang kurang berada. Kementerian saya berpendapat langkah-langkah ini adalah memadai setakat ini. Oleh kerana itu tidaklah perlu ditubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menggubal dasar baru khususnya mengenai pelajaran untuk golongan setinggan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah pentadbiran dan pengurusan pelajaran. Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah menyentuh tentang pentadbiran pelajaran Sabah terlalu berpusat di Jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah-sekolah tidak diberi penyeliaan yang sewajarnya. Sehubungan dengan ini juga Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah

meminta supaya pengawalan sekolah-sekolah di luar bandar dibaiki dan penyelia-penyelia sekolah-sekolah Cina dilantik. Kementerian Pelajaran menyedari pentadbiran pelajaran Sabah lebih tertumpu di Jabatan Pelajaran Negeri. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana Jabatan tersebut perlu mengawal perbelanjaan dan pengurusan projek-projek pembangunan pelajaran.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha memang ada dibuat kearah disentralisasi dan memperkemaskan sistem pengurusan dan pentadbiran pelajaran di peringkat daerah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kimanis juga pihak Jabatan Pelajaran Negeri sedang berusaha mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik supaya menyelia sekolah-sekolah Cina.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah meminta Kementerian Pelajaran memastikan supaya Pegawai-pegawai Pelajaran serta pelajar-pelajar yang dihantar belajar ke luar negeri memberi sumbangan dan membuat perubahan yang perlu dalam jentera pentadbiran pelajaran melalui idea-idea yang mereka perolehi dari satu masa ke satu masa, terutama dari pelajaran yang mereka perolehi mereka berada di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi hasrat dan usaha Kementerian ini untuk mendapatkan sumbangan idea-idea ataupun kepakaran dari pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar yang telah mendapat latihan di luar negeri bagi memperbaiki dan mempertingkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pengurusan pelajaran di negara ini. Sebab itulah maka tiap-tiap tahun Kementerian ada peruntukan untuk menghantar beberapa orang pegawainya untuk menyambung pelajaran ataupun mendapat latihan yang khusus sama ada dalam negeri

atau luar negeri supaya dengan adanya latihan itu maka nanti keupayaan mereka sebagai pegawai akan dapat meningkat dan sumbangan mereka kepada perancangan pelajaran dalam negara kita ini akan lebih bermakna.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan masalah pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri yang dihasut oleh pihak-pihak tertentu untuk mencaci dan membenci Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kementerian Pelajaran memang menyedari perkara ini. Oleh kerana itu, Kementerian saya dan pihak berkuasa institusi pelajaran tinggi sentiasa mengikuti perkembangan kegiatan-kegiatan pelajar-pelajar serta mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya keadaan ini terkawal. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut peraturan-peraturan yang ada terhadap pihak-pihak terbukti kesalahannya menghasut pelajar-pelajar. Kementerian Pelajaran juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Universiti dan Kolej terhadap pelajar-pelajar yang menyeleweng dari peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

Bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar-pelajar di luar negeri pula, Kementerian sedang memperkemaskan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut dan juga penghantaran pegawai-pegawai yang lebih berkelayakan dan berpengalaman. Jabatan-jabatan ini telah diarahkan memberi penerangan dan bimbingan serta mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan pelajar-pelajar kita. Di samping itu, pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai agama dari sini juga dihantar dari satu masa ke satu masa melawat pelajar-pelajar kita bagi

mengadakan ceramah, dialog dan mengedarkan risalah-risalah agama serta menerangkan dasar-dasar Kerajaan dengan lebih jelas lagi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit itu supaya pelajar-pelajar yang masih muda ditempatkan di kelas-kelas orientasi selama setahun sebelum dihantar ke seberang laut, sukalah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sudah pun mengadakan program ini mulai tahun 1983. Dalam program ini pelajar-pelajar lepasan SPM yang terpilih untuk belajar di seberang laut dikehendaki mengikuti kelas-kelas persediaan ini di mana mereka didedahkan kepada pelajaran agama dan tata negara dengan lebih mendalam disamping menjalani kursus untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. Kerajaan juga sedang menimbang untuk memanjangkan jangka masa program serta menyusun semula kursus-kursus yang lebih sesuai untuk pelajar-pelajar ini supaya mereka akan lebih matang dan bersedia untuk belajar di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Bukit Mertajam dan Sungai Besi telah menimbulkan masalah peluang pelajar-pelajar memasuki universiti-universiti tempatan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang prestasinya telah dinafikan tempat di universiti-universiti tempatan manakala pelajar-pelajar yang rendah pencapaiannya telah diberikan tempat.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa semua kaum di negara ini mempunyai peluang yang terhad untuk melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan. Pemilihan pelajar-pelajar memasuki

universiti-universiti tempatan dan di luar negeri juga adalah mengikut prinsip-prinsip yang telah ditentukan dan keutamaan pencapaian pelajar-pelajar dari kumpulan kaum masing-masing. Perkara ini mestilah dilihat dari konteks matlamat Dasar Ekonomi Baru. Walaupun Kerajaan memberikan banyak peluang pelajaran kepada kaum bumiputera tetapi dalam masa yang sama Kerajaan juga tidak melupakan hakikat bahawa bukan bumiputera juga memerlukan peluang-peluang pelajaran tinggi. Adalah menjadi hasrat Kerajaan sentiasa untuk menambahkan lagi peluang-peluang pelajaran tinggi di dalam negeri ini di samping memberikan kemudahan dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya, penubuhan Universiti Utara Malaysia dan beberapa kampus cawangan universiti-universiti tempatan, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan menambahkan peluang-peluang bagi pelajaran tinggi dalam negara ini berasaskan usaha yang kian meningkat ini, Kerajaan tidak bercadang membenarkan penubuhan universiti swasta seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Berhubung dengan soal polarisasi yang timbul kerana rasa keciwa mendapatkan peluang pelajaran di kalangan bukan bumiputera seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, saya suka terangkan di sini bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah untuk menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan dan memberi peluang-peluang pelajaran yang lebih kepada golongan-golongan yang tidak beruntung tanpa mengira kaum, Kerajaan masih berpegang teguh kepada kepercayaannya bahawa cara yang komprehensif dan teratur ini akan dapat mengatasi polarisasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Rejang, Lambir dan Kimanis telah menyentuh perkara guru-guru yang belum disahkan dalam jawatan di Sarawak dan Sabah oleh kerana tiada kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rejang mencadangkan supaya guru-guru ini disahkan juga dalam jawatan memandangkan mereka tidak mempunyai pendidikan asas dalam Bahasa Malaysia dan ramai daripada mereka ini mengajar di kawasan pendalaman.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir mencadangkan supaya syarat pengesahan dalam jawatan, kepujian dalam Bahasa Malaysia ini di peringkat SRP itu seperti dahulu. Ketika menyentuh tentang masalah guru-guru UTS di Sabah, Ahli Yang Berhormat dari Kimanis mencadangkan supaya tidak ada sebarang syarat dikenakan untuk pengesahan guru-guru ini.

Saya sedar akan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini, oleh kerana pihak-pihak kesatuan yang berkenaan telah menghubungi Kementerian saya. Masalah pengesahan dalam jawatan serta kedudukan guru-guru yang terlibat sedang diteliti oleh Kementerian saya. Saya juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan satu peperiksaan Bahasa Malaysia khas untuk guru-guru bagi tujuan pengesahan dalam jawatan. Peperiksaan ini akan sama tarafnya dengan kertas Bahasa Malaysia di peringkat SPM tetapi disesuaikan dengan keperluan profesion perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah bertanya mengapa siswazah-siswazah dalam bidang perguruan di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia tidak mendapat penempatan di

sekolah-sekolah manakala ramai guru attachment mengajar di sekolah-sekolah. Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa semua guru-guru terlatih yang ditempatkan untuk mengajar di sekolah-sekolah digelar 'Guru Attachment' atau Sandaran sehinggalah mereka dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Oleh itu, memang terdapat guru-guru sandaran mengajar di sekolah-sekolah kita.

Mengenai siswazah-siswazah dari Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia yang belum ditempatkan itu, saya ingin menjelaskan bahawa mereka ini terdiri dari siswazah-siswazah sains dan matematik yang tidak terikat dengan Kementerian Pelajaran. Mereka ini tidak ditempatkan oleh kerana negeri-negeri sudah mempunyai bilangan guru sains dan matematik yang mencukupi. Walau bagaimanapun, saya menyedari dan bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh siswazah-siswazah ini. Kementerian saya akan mempertimbangkan penempatan mereka apabila timbul keperluan bagi mereka ataupun untuk memberi perkhidmatan guru kepada mereka.

Masalah kekurangan guru terlatih di Sabah dan di Sarawak juga telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labok Sugut, Kimanis dan Betong. Ahli Yang Berhormat dari Labok Sugut menyatakan guru untuk sekolah rendah dan menengah adalah kurang di Sabah. Guru-guru yang ada ramai tidak berkelayakan atau tidak berijazah.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis menyatakan Sabah kekurangan 670 guru siswazah dan mencadangkan kekosongan yang terdapat itu hendaklah dipenuhi melalui perlantikan dan pertukaran.

Ahli Yang Berhormat dari Betong menyatakan Sarawak kekurangan guru Bahasa Malaysia di peringkat

rendah dan menengah telah mencadangkan supaya kekosongan diisi dengan guru dari negeri-negeri lain dari Sarawak, jika perlu. Saya ingin menjelaskan bahawa kekurangan guru-guru yang terdapat di Sarawak dan di Sabah itu sebenarnya terdapat juga di kebanyakan negeri di negara ini. Perbekalan guru bagi kelas-kelas menengah dan rendah adalah mencukupi, yang kurang ialah guru terlatih untuk sekolah rendah dan guru siswazah untuk mengajar di Tingkatan IV hingga ke VI.

Kekurangan ini boleh ditampung buat sementara waktu oleh guru bukan siswazah yang berpengalaman atau guru sementara.

Sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini, saya telah mengarahkan bahagian-bahagian yang berkenaan di Kementerian saya untuk menyemak semula kadar pengambilan siswazah-siswazah sains sosial dan kemanusiaan yang mengikuti kursus perguruan. Mengenai kekurangan guru untuk sekolah rendah, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk manambah pengambilan guru pelatih untuk kursus sekolah rendah dengan mengurangkan pengambilan guru pelatih bagi kursus sekolah menengah yang sudah memuaskan stoknya itu.

Suka saya jelaskan di sini bahawa dalam urusan penempatan dan pertukaran guru, Kementerian saya mempunyai matlamat hendak mengimbangkan bilangan guru-guru terlatih di negeri-negeri. Dengan berpandukan kepada matlamat yang demikian maka negeri-negeri yang kekurangan lebih banyak guru seperti Sabah dan Sarawak memang diberikan keutamaan dalam pengagihan guru-guru.

Berhubung dengan cadangan supaya lebih ramai calon-calon dari

Sabah diambil untuk mengikuti kursus perguruan, suka juga saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah pun mengambil langkah-langkah untuk menambah bilangan calon dari negeri-negeri yang banyak kekurangan guru untuk masuk ke Maktab-maktab Perguruan. Syarat kemasukan Maktab bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak juga telah dilonggarkan sedikit sesuai dengan tujuan menambah bilangan yang boleh diterima masuk.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang aktiviti-aktiviti pembangunan di bawah Kementerian Pelajaran dan saya ingin memberi sedikit penjelasan mengenai perkara tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah meminta PIBG diberi lebih banyak peranan dalam menjalankan projek-projek kecil membina bilik darjah secara gotong-royong.

Suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran sudah pun mengambil langkah yang positif ke arah ini. Sebanyak 4 buah projek di Kelantan dan sebuah di Kedah telah pun diluluskan untuk dibina oleh PIBG dan pihak sekolah secara bergotong-royong dan sementara itu beberapa projek lagi sedang dalam pertimbangan untuk diserahkan bagi pembinaan secara gotong-royong. Kementerian Pelajaran juga sedang mendapatkan senarai projek-projek ini dan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri akan memastikan apakah jenis projek-projek itu dan jika didapati sesuai maka akan diluluskan untuk dilaksanakan serta-merta.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga ada menyatakan bilik-bilik darjah yang dibina dengan menggunakan asbestos tidak sesuai untuk kelas-kelas KBSR kerana dinding-dindingnya tidak boleh digantungkan gambar dan kotak-kotak yang menjadi alat-alat penting

untuk pembelajaran di peringkat KBSR. Suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran telah membekalkan papan-papan lembut kepada sekolah-sekolah tersebut untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian telah meminta supaya pembinaan sekolah-sekolah secara 'package deal' ini dikaji semula kerana tidak sesuai dilaksanakan di semua tempat sebab masalah-masalah tertentu. Saya suka terangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sistem 'package deal' ini adalah baik dan telah dilaksanakan dengan jayanya di beberapa tempat. Namun begitu, pembinaan sekolah-sekolah secara 'package deal' di Johor telah mengalami beberapa masalah. Ini bukan disebabkan oleh sistem 'package deal' sendiri, tetapi oleh sebab keadaan tanah, masalah pengangkutan dan juga cuaca. Oleh kerana di tempat-tempat lain sekolah-sekolah yang dibina secara 'package deal' ini dapat disiapkan dengan cepat, maka Kementerian saya akan terus menggunakan sistem ini di tempat-tempat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut dan Kimanis telah membangkitkan masalah kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar serta pembinaan sekolah vokasional di Sabah. Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa bilangan sekolah rendah, menengah dan vokasional tidak mencukupi bagi menampung keperluan sebenar di negeri Sabah.

Saya suka menerangkan bahawa bagi tahun 1985 Kementerian saya telah memperuntukkan bagi negeri Sabah sebanyak \$15.7 juta untuk pelajaran rendah, \$69.4 juta untuk pelajaran menengah dan \$10.6 juta untuk pelajaran teknik dan

vokasional. Daripada peruntukan yang diluluskan itu, sebanyak 56 buah sekolah rendah, 20 buah sekolah menengah dan 2 buah sekolah vokasional sedang dibina.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan matlamat dasar Jabatan Pelajaran Sabah, Kementerian Pelajaran telah memberi keutamaan kepada pembinaan lebih banyak sekolah, rumah guru, asrama dan lain-lain kemudahan fizikal di kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu dan Betong telah menyatakan terdapat kekurangan sekolah-sekolah serta kemudahan-kemudahan di Sarawak. Kementerian Pelajaran adalah menyedari mengenai bilangan sekolah rendah serta kelengkapan sekolah luar bandar yang tidak mencukupi itu. Suka saya terangkan di sini bahawa untuk tahun 1985 Kementerian Pelajaran telah memberi peruntukan kepada negeri Sarawak sebanyak \$4.6 juta untuk pelajaran rendah, \$43.5 juta untuk pelajaran menengah dan \$700,000 untuk latihan perguruan. Daripada 58 buah projek sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah yang diluluskan kebanyakannya adalah terletak di kawasan-kawasan luar bandar.

Di samping itu sebanyak \$30 juta peruntukan tambahan telah juga diberikan pada tahun 1984 untuk membina projek tambahan yang terdiri daripada 3 projek sekolah rendah dan 48 buah projek sekolah menengah. Selain daripada itu terdapat 4 buah Maktab Perguruan dalam operasi sekarang ini di Sarawak, iaitu Maktab Perguruan Rejang, Sibu, Batu Lintang dan Miri. Kemungkinan Maktab Perguruan dibina di kawasan luar bandar akan dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Tuan Yang di-Pertua, program-program di bawah Kementerian saya telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai program-program Kementerian Pelajaran. Teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah merupakan teguran-teguran yang membina. Kementerian saya akan mengambil ingatan mengenai kesemua cadangan-cadangan tersebut serta memberi perhatian yang wajar di mana yang perlu. Kementerian saya juga akan terus berusaha untuk memperbaiki serta mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan Kementerian Pelajaran demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Kesihatan.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran bagi memperbaiki lagi kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah mencadangkan supaya hospital-hospital Kerajaan tidak mengadakan kelas-kelas tertentu bagi pesakit-pesakit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rawatan perubatan yang diberikan kepada pesakit-pesakit Kelas I, II dan III adalah sama dari segi kemahiran profesional walaupun kadar bayaran

yang dikenakan adalah berbeza bagi kelas-kelas berkenaan. Perbezaan kelas sebenarnya hanya terdapat dari segi keselesaan dan kemudahan fizikal seperti "privacy", dengan izin, luas bilik, hawa dingin dan makanan. Kadar pembayaran adalah juga diasaskan di atas perbezaan kemudahan fizikal ini. Cadangan mengadakan wad-wad tidak berkelas memerlukan kajian yang teliti dan perancangan jangka masa panjang bagi memastikan bahawa ianya mendatangkan manfaat kepada semua pesakit.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir dan juga Betong telah membangkitkan masalah kekurangan peruntukan dan juga kemudahan-kemudahan rawatan perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak. Suka saya memberitahu bahawa sesungguhnya Kementerian Kesihatan sedar tentang masalah kekurangan peruntukan kewangan untuk negeri Sarawak pada tahun 1983.

Seperti yang kita semua sedia maklum, kemelesetan ekonomi negara yang bermula pada pertengahan tahun 1982 dan berlanjutan pada tahun 1983 telah memaksa Kerajaan menjimatkan perbelanjaan. Akibatnya bukan negeri Sarawak sahaja yang mengalami masalah kekurangan peruntukan ini, malahan seluruh negara menghadapi masalah yang sama. Walau bagaimanapun, untuk tahun 1984 dan seterusnya tahun 1985, Kementerian Kesihatan telah pun diperuntukkan dengan Belanjawan yang mencukupi dan Kementerian ini yakin yang prestasi perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara akan dipulihkan ke tahap yang wajar.

Dari segi peruntukan pembangunan, Kementerian akan terus menyediakan peruntukan pembangunan agar projek yang telah pun diikatkan kontrak dapat

disiapkan. Pada tahun 1983 projek-projek berikut telah disiapkan:

- (1) Unit Kanser di Hospital Besar Kuching;
- (2) Hospital Daerah Limbang; dan
- (3) Hospital Daerah Saratok.

Untuk tahun 1984 pula, projek-projek yang mempunyai ikatan kontrak sahaja diberi peruntukan iaitu Pusat Kesihatan Daerah di Bau, 3 buah Pusat Kesihatan Daerah di Betong, Daro dan Julau, dan Hospital Daerah Bintulu.

Dari segi peruntukan Belanjawan Mengurus pula, negeri Sarawak telah dan sentiasa diberi keutamaan yang sewajarnya. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Kesihatan yang menggunakan kriteria-kriteria tertentu di dalam menentukan peruntukan kewangan kepada negeri-negeri. Antara kriteria yang digunakan ialah kedudukan sosio-ekonomi, kemudahan infrastruktur, bilangan penduduk, pelaksanaan program dan aktiviti dan lain-lain faktor kelainan (peculiarities). Dengan demikian bukan sahaja negeri Sarawak, malah negeri-negeri lain yang kurang membangun di negara kita akan sentiasa diberi perhatian wajar dari segi peruntukan kewangan.

Untuk menyokong kenyataan-kenyataan yang saya sebutkan tadi, sukacita saya memberi di sini butir-butir peruntukan 1983 bagi negeri Sarawak berbanding dengan peruntukan negeri-negeri lain yang jelas menunjukkan bahawa negeri Sarawak telah diberi peruntukan yang tertinggi. Negeri Sarawak, jumlah peruntukan \$90,051,295 atau 10.52%; Sabah 9.11%; Perak 9.81%; Johor 9.0%; Pahang 5.4%. Bagi tahun 1984 pula Sarawak telah diperuntukkan sejumlah \$110,105,765 ataupun 11.39% dari peruntukan Kementerian Kesihatan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memohon projek-projek fizikal bagi tiap-tiap rancangan lima tahun berasaskan keperluan perkhidmatan kesihatan oleh penduduk-penduduk mengikut daerah dan negeri, dan juga keupayaan agensi-agensi yang terlibat dalam proses pelaksanaan. Oleh itu, Kementerian merancang pelaksanaan projek-projek yang dipohon secara berfasa (phasing) dan tidak kesemuanya dijadualkan siap pembinaan dalam jangkamasa tiap-tiap lima tahun itu.

Sebahagian dari projek dipohon hanya untuk membolehkan proses perancangan dimulakan seperti penyediaan "design brief" dan rekabentuk bangunan dan diberi peruntukan tanda sahaja. Sebahagian lagi untuk permohonan tanah sahaja. Hanya projek-projek yang dianggap sangat perlu dan siap sedia untuk pelaksanaan dipohon untuk pelaksanaan sepenuhnya dalam jangka masa lima tahun.

Bagi negeri Sarawak seperti juga di lain-lain negeri, projek-projek yang tidak terus dibina sungguhpun tapak telah diperolehi termasuk dalam golongan projek-projek di mana pembinaan terpaksa dibekukan sejak tahun 1982 oleh sebab keadaan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa 16 buah projek yang terdiri daripada Klinik-klinik Desa dan Pusat Kesihatan telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat di Sarawak dalam masa 1981-1984. Sebanyak 16 projek Klinik Desa lagi menunggu peruntukan dengan tapak tanah diperolehi dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keempat.

Berkenaan dengan teguran mengenai perkhidmatan yang kurang memuaskan di Sarawak dan nisbah pegawai perubatan kepada penduduk yang masih tinggi, suka saya

memaklumkan bahawa angka nisbah di Sabah dan Sarawak yang sebenar ialah, 1:7022 di Sabah dan 1:6470 di Sarawak, berbanding dengan 1:3181 di Semenanjung Malaysia. Sebab utama terdapat nisbah bilangan doktor yang rendah di Wilayah Persekutuan dan Selangor jika dibandingkan dengan Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri pantai timur di Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, ialah terdapatnya satu tumpuan yang besar doktor-doktor persendirian di kedua-dua kawasan ini. Doktor-doktor persendirian nampaknya kurang minat untuk membuka klinik perubatan persendirian di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia serta juga di Sabah dan Sarawak. Biarpun di Sarawak, doktor-doktor persendirian terutamanya tertumpu di bandar-bandar juga. Kementerian Kesihatan sedar akan masalah ini dan telah menempatkan ramai doktor Kerajaan untuk berkhidmat kepada penduduk di kawasan-kawasan luar bandar, khasnya di Sabah dan Sarawak.

Suka saya memberitahu Yang Berhormat bahawa Kementerian saya terus berusaha mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lagi perkhidmatan rawatan perubatan di Sarawak. Mengenai kekurangan kedudukan alat-alat dan kemudahan yang lain, sukalah saya menyatakan bahawa pada tahun 1984, sebanyak \$2,680,000 telah diperuntukkan untuk menyelenggarakan kemudahan-kemudahan fizikal di Sarawak. Pada tahun ini juga, sebanyak \$2,428,920 telah diperuntukkan bagi pembelian alat-alat perubatan untuk negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah membangkitkan masalah kekurangan peruntukan dan perkhidmatan perubatan di Sabah pula. Saya suka memberi tahu bahawa Kementerian saya telah memberi peruntukan yang adil kepada semua

negeri berdasarkan keperluan seperti saya huraikan tadi. Dalam Anggaran Belanja Mengurus 1984, secara purata setiap negeri mendapat 8% daripada peruntukan keseluruhan Kementerian. Setakat ini di bawah Program Perubatan, negeri Sabah diperuntukkan sebanyak \$50,908,600 iaitu 8.7%, sementara di bawah Program Kesihatan pula sebanyak \$23,704,190 atau 10.6% telah diperuntukkan. Manakala Program Pergigian telah diberi sebanyak \$3,679,920. Untuk penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan, negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak \$12,794,000 atau 11.8% di bawah aktiviti Rawatan Pesakit Am. Sementara itu bagi pembelian ubat-ubatan di negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak \$57,768,100 atau 10.1% daripada peruntukan keseluruhan di bawah aktiviti Rawatan Pesakit. Sukacita dimaklumkan pada umumnya peruntukan yang diberi kepada negeri Sabah adalah antara yang terbanyak jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa memang terdapat kekurangan doktor-doktor pakar terutama dalam bidang-bidang tertentu tetapi kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang tersebut terdapat di seluruh negara dan bukan sahaja di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pakar-pakar dalam bidang-bidang ini akan ditempatkan di negeri Sabah bila ada pakar-pakar untuk ditempatkan. Berhubung dengan kedudukan kakitangan, suka saya memaklumkan bahawa pada pertengahan bulan September tahun ini 63.3% jawatan pakar dan 63% pegawai-pegawai perubatan telah diisi di negeri Sabah. Bilangan lain-lain kategori kakitangan seperti Ketua Jururawat, Jururawat Terlatih, Penolong Jururawat, Pembantu Hospital dan lain-lain adalah mencukupi pada masa ini. Bagi tahun

1985, tambahan-tambahan jawatan berikut telah diwujudkan di Sabah:

Pegawai Perubatan ..	18 jawatan
Pembantu Perubatan Tingkatan Biasa	34 jawatan
Ketua Jururawat	20 jawatan
Jururawat .. '	98 jawatan

Selain daripada itu, banyak lagi jawatan-jawatan para medik dan auxiliari yang lain telah juga diwujudkan untuk menampung kekurangan kakitangan bagi memperbaiki keadaan perkhidmatan perubatan di negeri Sabah.

Bagi menjawab saranan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pula, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bangunan baru empat tingkat di Hospital Daerah Sungai Petani adalah dilengkapi dengan perabot dan alat kelengkapan perubatan yang mencukupi. Di Unit X-Ray terdapat 3 buah mesin X-Ray statik dan sebuah mesin "portable". Hanya mesin "portable" yang rosak dan ianya sekarang dibaiki. Walau bagaimanapun, perkhidmatan di Jabatan X-Ray tidak akan terjejas oleh kerana kesemua 3 buah mesin statik tersebut adalah di dalam keadaan yang baik. Buat masa ini di Hospital Daerah Sungai Petani telah sedia ada sebuah Unit Rawatan Giat (ICU) yang mempunyai 4 buah katil. Perkhidmatan kepakaran yang disediakan ialah di bidang Pembedahan Am, Bius dan Mata. Seorang Pakar Perbidanan dan Sakit-puan telah ditukarkan ke Hospital Daerah Sungai Petani dan dijangka melapur diri tidak berapa lama lagi.

Sekianlah sahaja ucapan saya mengenai beberapa perkara yang ditimbulkan di Dewan ini semasa perbahasan dan saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam kegiatan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Penerbangan.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Penerbangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya.

Sepanjang perbahasan ini bolehlah saya menyatakan bahawa sidang Parlimen kali ini adalah sidang yang paling bertuah bagi Kementerian saya. Dalam sidang kali ini soalan dan kecaman yang ditujukan kepada Kementerian saya adalah paling sedikit. Dan daripada beberapa perkara yang berbangkit tiga daripadanya memberikan ucapan terima kasih, ucapan syabas dan ucapan tahniah.

Jabatan Penyiaran telah mendapat satu ucapan terima kasih daripada Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang kerana kejayaan RTM dalam rancangan-rancangan khas menyambut Deepavali baru-baru ini. Satu ucapan syabas dari Yang Berhormat dari Pontian kerana kesungguhan RTM mendaulatkan Bahasa Malaysia dan satu ucapan tahniah dari Yang Berhormat dari Batu Pahat kerana RTM memampirkan keburukan rasuah.

Oleh yang demikian, tidaklah perlu saya menjawab ucapan-ucapan terima kasih RTM itu selain daripada mengucapkan terima kasih kembali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana memberi sokongan dan sanjung tinggi kepada RTM dalam usaha-usahanya berkhidmat untuk negara.

Saya cuma ingin menjelaskan rungutan-rungutan kecil yang telah dibangkitkan secara ringkas.

Pertama, sungutan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat mengenai siaran Radio Malaysia yang kurang jelas di Johor Bahru. Masalah ini akan kita atasi apabila skim penyiaran menerusi gelombang FM-Mono dilaksanakan sepenuhnya. Buat sementara ini satu stesen pemancar FM-Mono di Gunung Ledang akan dibina dan akan siap tidak lama lagi.

Mengenai teguran dari Yang Berhormat Ulu Muda tentang siaran iklan rokok Dunhill dan lain-lain iklan jenama rokok, sukalah saya memaklumkan bahawa syarikat ini adalah juga pembuat dan pengeluar beberapa jenis barang yang terkenal seperti jam, pen, necktie atau tali leher, cermin mata, beg dan sebagainya yang tidak ada kaitan langsung dengan rokok atau tabiat merokok. Dunhill juga membuat barangan seperti paip dan lighter tetapi oleh kerana barangan ini ada berkaitan langsung dengan tabiat merokok maka iklannya tidak dibenarkan.

Adalah amat sukar untuk RTM mengelak 100% sebutan jenama yang ada kaitan dengan rokok. Umpamanya, dalam siaran bahasa Inggeris jika disebut, dengan izin, "There are Camels in Saudi Arabia". Ini boleh disalah-tafsirkan sebagai jenama rokok. Demikian juga satu nama tempat di England yang sering disebut dalam siaran berita kita iaitu "KENT", satu county atau tempat yang sangat popular dengan permainan cricket.

Selain dari itu, dalam siaran rancangan-rancangan bolasepak umpamanya, sama ada dari negeri atau luar negeri iklan rokok terpampang di sekeliling padang, ini tidak dapat dielakkan. Yang dapat dielakkan ialah, RTM sendiri tidak menyiarkan iklan rokok yang sah sebagai iklan rokok yang mendorong penonton-penonton untuk merokok

dengan slogan-slogan seperti, dengan izin, "International Success Comes To Marlboro Country" dan sebagainya.

Mengenai siaran, Yang Berhormat dari Parit mengesyorkan supaya Kementerian saya dapat memainkan peranan untuk membangunkan masyarakat luar bandar dengan menukar sikap mereka, sukalah saya menyatakan bahawa ini memang adalah salah satu daripada peranan-peranan yang sentiasa diusahakan oleh Kementerian Penerangan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fungsi Kementerian saya ialah sebagai penyokong di dalam usaha-usaha mambangunkan negara, atau perhubungan yang membantu pembangunan dan berkait rapat dengan fungsi serta tugas-tugas lain Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Apa yang kementerian saya buat ialah untuk menyampai serta menterjemahkan fungsi-fungsi tersebut dalam bentuk yang konkrit dan mudah difahami kepada seluruh pelusuk negara ini melalui media elektronik seperti radio dan televisyen, media filem dan perhubungan bersemuka melalui peranan Jabatan Penerangan. Pendek kata, Kementerian Penerangan peranannya ialah untuk menterjemahkan dengan izin, "political will into popular will" kepada seluruh rakyat di negara kita ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *menterjemahkan Mesyuarat*)

Sekian sahaja ucapan yang dapat saya sampaikan atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Oleh kerana kesuntukan masa, mungkin ada perkara-perkara yang tertinggal tetapi saya suka memberi jaminan bahawa semua perkara-perkara yang dibangkitkan akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi menjawab.

4.37 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya semasa perbincangan atas dasar am Belanjawan 1985 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Yang Berhormat dari Mas Gading dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari negeri Sarawak telah menyentuh tentang peranan FELDA, FELCRA dan RISDA dalam bidang pembangunan tanah di negeri Sarawak. Ke arah ini Kementerian saya sudah pun mengadakan perancangan dan strategi yang berkaitan dengan pembangunan tanah di negeri Sarawak. Bermula dengan FELDA di mana hasil daripada rundingan dengan pihak Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah Sarawak atau Land Custody dan Development Authority (LCDA), dengan izin, satu kawasan tanah milik Kerajaan Negeri seluas 5,130 ekar di Sampadi di Bahagian Pertama Sarawak telah pun ditawarkan kepada FELDA untuk dimajukan.

Selain daripada itu, pihak LCDA juga telah mengenal pasti tiga kawasan tanah hak milik Native Customary Rights, dengan izin, seluas 80,000 ekar untuk kemungkinan dimajukan oleh FELDA. Perbincangan di peringkat awal sedang berjalan sekarang.

Strategi pembangunan tanah yang dijalankan oleh FELCRA di negeri

Sarawak telah bermula dari tahun 1979 lagi. Strategi ini meliputi program penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan keselamatan RASCOM (Rajang Area Security Command) selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara (NDPC) pada 29h Mei, 1978.

Peranan FELCRA dalam usaha pemulihan dan penyatuan tanah di negeri Sarawak melalui projek RASCOM ini ditumpukan kepada rancangan penempatan semula kaum Iban di Bahagian Ketiga dan setakat ini empat kawasan telah dimajukan iaitu di Nganga Tada, Nganga Ngungun, Nganga Jagau dan Nganga Sekuau.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi FELCRA yang ditubuhkan melalui Akta 22/66 mempunyai fungsi yang terkhusus ditujukan kepada pemulihan dan penyatuan tanah yang terbiar dan pembangunan In-Situ. Manakala agensi FELDA yang ditubuhkan di bawah Akta 20/56 telah ditugaskan untuk pembukaan tanah baru sahaja, mana-mana usaha pembangunan tanah di negeri Sarawak yang terkeluar daripada fungsi-fungsi FELCRA dan FELDA adalah dikelolakan oleh agensi-agensi yang ditubuhkan di peringkat negeri seperti SALCRA (Sarawak Land Consolidation dan Rehabilitation Authority) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan mengenai kejatuhan harga getah yang mana merupakan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil sekarang ini khususnya di masyarakat desa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedudukan harga getah dalam negara ini pada keseluruhannya

adalah dipengaruhi oleh harga di pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian saya melalui agensi RISDA sentiasa mencari jalan untuk memastikan harga getah dari pekebun-pekebun kecil, adalah di peringkat yang berpatutan dengan mengambil langkah yang tertentu untuk membeli getah secara langsung daripada golongan ini tanpa penglibatan orang tengah. Di samping itu juga daya pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil dipertingkatkan dari masa ke semasa melalui penggunaan input-input pertanian moden seperti benih bermutu baik dan sistem pengurusan ladang yang cekap dan bersistematik.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang, Sarawak telah bangkitkan pula mengenai langkah-langkah Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dengan cara meninggikan lagi daya pengeluaran petani khususnya petani di luar bandar dan juga membuka tanah-tanah baru serta membangunkan tanah-tanah yang telah sedia ada.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan melalui peningkatan daya pengeluaran petani melalui Dasar Pertanian Negara telah dilaksanakan di seluruh negara dan ke arah ini beberapa program dan strategi telah diwujudkan dalam bidang pembangunan tanah untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya.

Menyentuh peruntukan pembangunan agensi FELDA dan FELCRA sebahagian besar dari peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk program pembangunan utama yang melibatkan kegiatan pembangunan tanah. Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan yang dicadangkan itu tidak termasuk negeri Sarawak, disebabkan kedua-dua agensi yang berkenaan tidak boleh bergiat di

negeri Sarawak secara menyeluruh atas sebab-sebab yang saya jelaskan pada awal tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyarankan agar Kerajaan mengurangkan penanaman getah secara besar-besaran kerana sekarang ini ianya tidak mempunyai masa depan yang cerah. Untuk makluman Dewan dan juga Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berhubung dengan perkara ini, saya tidaklah dapat menerima sepenuhnya pandangan tersebut. Sebenarnya tanaman getah masih mempunyai prospek dan masa depan yang baik, ini ialah berdasarkan kepada beberapa kajian yang menunjukkan permintaan dunia kepada getah asli bertambah. Laporan Jawatankuasa Penilaian ke atas perakuan pakar mengenai perusahaan getah asli Malaysia tahun 1983 hingga tahun 2000 telah meramalkan permintaan getah asli dunia akan bertambah dari 3.7 juta tan pada tahun 1982 kepada 5 juta tan kepada tahun 1990 dan akan bertambah lagi kepada 6 juta tan pada tahun 2000. Selain dari itu kajian oleh International Rubber Study Group (IRSG), dengan izin, telah meramalkan juga bahawa penggunaan getah dunia akan mencapai di antara 5.1 juta hingga 6.9 juta tan pada tahun 1990. Berdasarkan kepada kedua-dua kajian tersebut dan juga peranan yang dimainkan oleh International Natural Rubber Organisation (INRO), dengan izin, adalah menstabilkan harga getah.

Saya percaya tanaman getah masih lagi mempunyai prospek dan masa depan yang baik. Industri pengeluaran getah asli dunia yang terdiri dari pengeluar-pengeluar kecil adalah terikat dalam mengeluarkan getah asli di dalam bentuk mutu dan kuantiti yang diperlukan oleh pasaran.

Melalui skim-skim tanaman semula dan tanaman baru mereka serta dibantu oleh perancangan dan

pembangunan, dengan izin, R and D mereka akan terus menjadi pembekal yang berkekalan bagi bahan mentah yang penting ini untuk keperluan dunia. Bagaimanapun suasana persekitaran yang sering berubah-ubah dengan tekanan inflasi dan peningkatan kos pengeluaran, maka adalah perlu bagi mereka untuk mendapatkan harga yang lebih wajar dan menggalakkan untuk mereka terus melabur bagi peningkatan pengeluaran yang berterusan. Walaupun Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) melalui operasi stok penimbalnya boleh membantu mengurangkan kesan ketidakseimbangan supply dan demand, dengan izin, pengeluar-pengeluar getah asli dan getah tiruan perlu bekerjasama ke arah menstabilkan struktur industri getah antarabangsa dengan mencari titik-titik petemuan mengenai dasar-dasar pengeluaran dan perancangan serta isu-isu yang berkaitan dengannya.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah membangkitkan mengenai kemudahan-kemudahan prasarana-prasarana di rancangan FELDA, Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai pembinaan jalan-jalan masuk ke rancangan FELDA yang mana tidak sesuai dengan lori-lori berat kepunyaan FELDA sendiri dan selanjutnya beliau mensyorkan supaya perkara ini dipertimbangkan semula.

Ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa FELDA ditubuhkan dengan objektif membantu dan meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar serta menyusun semula masyarakat tani luar bandar. Dalam usaha meninggikan taraf hidup peneroka-peneroka FELDA mengamalkan pendekatan serba lengkap. Ini bermakna FELDA akan memastikan bahawa tiap-tiap rancangannya akan mendapat berbagai kemudahan awam atau

sosial. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum peruntukan kewangan yang besar diperlukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam termasuklah kemudahan-kemudahan prasarana di rancangan-rancangan FELDA, dan ini hanya dapat diadakan apabila kedudukan ekonomi negara kita bertambah teguh. Jalan-jalan masuk ke rancangan dan juga jalan di kawasan perkampungan FELDA adalah dibina oleh Jabatan Kerjaraya, jalan-jalan masuk ke rancangan ini apabila siap dibina akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk penjagaan seterusnya. Peruntukan bagi kerja-kerja penjagaan dan pembaikan jalan juga adalah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas pandangan berat Ahli-ahli Yang Berhormat serta teguran ikhlas untuk kami di Kementerian meneruskan khidmat yang berkaitan dengan pembangunan pekebun-pekebun kecil dan masyarakat luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjawab.

4.48 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Jerantut, Kepong dan Lumut yang telah menyentuh sedikit sebanyak tentang soal teknologi tinggi bagi pertumbuhan industri, soal pindahan teknologi serta haluan kemajuan teknologi tempatan semasa perbahasan ke atas Belanjawan Tahun 1985.

Saya telah mengambil perhatian ke atas teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bercadang memberi satu jawapan yang menyeluruh.

Untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sedar terhadap kepentingan pemindahan teknologi maju untuk memupuk program pemodenan dan perindustrian negara kita. Kerajaan telah mengamalkan dua pendekatan am ke arah tersebut iaitu:

- (1) Penggalakan kemasukan teknologi asing yang sesuai ke negara ini.
- (2) Pengukuhan fungsi penyelidikan dan kemajuan institusi-institusi penyelidikan di negara ini.

Berhubung dengan soal penggalakan kemasukan teknologi asing yang sesuai, langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

- (a) Akta Paten yang baru yang telah diluluskan akan menyediakan perlindungan yang secukupnya kepada pemilik teknologi asing dan seterusnya menggalakkan kemasukan teknologi maju itu;
- (b) insentif-insentif seperti pengecualian cukai telah sedia ada dan seterusnya menggalakkan lebih banyak lagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan untuk dijalankan oleh syarikat-syarikat "multi-national" di dalam negara ini;
- (c) pembelian teknologi asing, iaitu satu cara yang dianggap lebih cepat dan di mana teknologi boleh diperolehi secara langsung.

Walaupun demikian, di dalam kebanyakan kes pembelian teknologi asing, terdapatnya kekurangan dari segi sokongan maklumat, dengan izin, "information support" yang dapat

mbolehkan pembeli-pembeli untuk memiliki berbagai teknologi alternatif yang sedia ada untuk mengkaji "package" pemindahan teknologi serta royalti yang diperlukan bagi tiap-tiap teknologi alternatif.

Walaupun mekanisma makluman teknologi tidak ada di dalam proses pemindahan teknologi, SIRIM telah pun menubuhkan Pusat Maklumat dan Dokumentasi Paten sebagai asas bagi mewujudkan satu sistem makluman teknologi yang boleh memberikan makluman ke atas teknologi alternatif, "package" teknologi, bekalan teknologi serta keadaan tahap teknologi atau, dengan izin, "state of the art technology".

Dalam hubungan ini, mungkin satu mekanisma perlu diadakan untuk menapis dan menilai teknologi, iaitu berhubung dengan:

- (a) kandungan teknikal di dalam pemindahan teknologi;
- (b) penyerapan teknologi-teknologi yang dipindahkan serta tempoh yang perlu bagi penyerapan itu; dan
- (c) kegiatan penyelidikan dan kemajuan yang berkaitan dengan pemindahan teknologi itu, termasuk usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan tempatan.

Berkenaan dengan pengukuhan fungsi-fungsi penyelidikan dan kemajuan, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin, satu dataran penyelidikan dan kemajuan tempatan yang kuat perlu diwujudkan bagi menjayakan asimilasi teknologi-teknologi dari negara-negara yang maju. Ini adalah perlu untuk meningkatkan lagi keupayaan negara kita untuk menerima, menyesuaikan dan mengubahsuaikan teknologi-teknologi asing serta memperbaharui teknologi baru dan sesuai untuk menyokong pengeluaran dari industri tempatan.

SIRIM telah pun menubuhkan Pusat Teknologi Industri Logam (MITEC) dan Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Industri Logam (MIRDC) yang fungsinya, antara lain, melibatkan "die-making", teknologi kimpalan baru, penyaduran elektrik serta penyelidikan di dalam bidang kelogaman. Kedua-dua pusat ini akan membantu untuk meningkatkan lagi teknologi kelogaman bagi industri-industri logam di negara ini. Cadangan-cadangan telah pun dibuat untuk menubuhkan pusat teknologi foundary, pusat seramik dan pusat teknologi plastik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun bersetuju untuk mewujudkan satu program Mikro-Elektronik Kebangsaan serta menubuhkan sebuah Institusi Sistem Mikro-Elektronik Malaysia untuk mempertingkatkan lagi teknologi industri itu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah sentiasa sedia dan sanggup untuk menyokong apa-apa cadangan daripada pihak swasta untuk menggalak dan mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan kemajuan yang bertujuan mempertingkatkan lagi daya usaha teknologi mereka. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

4.56 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa memang tidak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam menyentuh perkara-perkara dan masalah-masalah Kementerian Wilayah Persekutuan. Namun demikian, suka juga saya

mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang sempat mengambil bahagian dan menyentuh perkara-perkara dan masalah-masalah Kementerian Wilayah Persekutuan. Mungkin tidak banyak masalah yang terdapat, semua berjalan licin, itulah sebab tidak ramai yang membangkitkan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan beberapa perkara seperti memperbanyakkan rumah kos rendah, memberi latihan kepada golongan yang kurang berpengalaman, membuka peluang-peluang dan memperbanyakkan tapak-tapak penjaja dan seterusnya cara-cara untuk memperbaiki kualiti kehidupan setinggan. Kementerian saya memang memberi perhatian berat terhadap masalah perumahan, terutama yang melibatkan golongan yang berpendapatan rendah.

Seperti yang telah Yang Berhormat Menteri maklumkan di Dewan yang mulia ini pada 25hb Oktober, Kementerian saya bukan sahaja berusaha supaya projek rumah kos rendah dilaksanakan mengikut jadual, malahan juga telah mengambil tindakan-tindakan menggubal dasar-dasar mengenai perkara ini bagi menggalakkan penyertaan dan sumbangan sektor swasta dalam bidang ini. Telah sering kali diperkatakan bahawa sektor swasta sepatutnya turut menyertai membina rumah-rumah kos rendah, di samping pembinaan rumah-rumah kos tinggi. Bagaimanapun, saya sedar satu masalah yang utama menghindar penyertaan sektor swasta yang lebih luas ialah kos tanah yang tinggi di Wilayah Persekutuan sendiri.

Bagi projek perumahan awam, kos tanah biasanya adalah pada kadar penamaan atau "nominal" sahaja dan bagi membolehkan sektor swasta menyertai bersama di dalam

pembinaan rumah-rumah kos rendah, Kementerian saya telah dan akan melaksanakan 2 cara baru:

- (1) bagi tanah-tanah keupayaan swasta di Wilayah Persekutuan, Kerajaan akan mengenakan bayaran perubahan syarat (conversion fees) pada kadar nominal ke atas bahagian tanah yang digurakan untuk perumahan kos rendah. Kadar yang kurang juga akan dikenakan kepada tanah untuk perumahan kos pertengahan;
- (2) tanah-tanah Kerajaan akan juga dibangunkan melalui cara penswastan bagi melibatkan penyertaan sektor swasta dan bagi tanah-tanah tersebut akan digalakkan pembangunan bercampur (mixed development) untuk membolehkan "gross" subsidi di antara rumah yang berharga tinggi dan rumah yang berharga rendah.

Dengan adanya tindakan-tindakan sedemikian Kementerian saya berpendapat manfaat daripada kos tanah yang rendah dapat diberikan kepada pembeli-pembeli rumah dari golongan berpendapatan rendah dalam bentuk rumah yang murah harganya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini sungguhpun di bawah Rancangan Malaysia Keempat Wilayah Persekutuan bercadang hendak membina 30,000 unit rumah kos rendah tetapi hanya membina sebanyak 19,252 unit bagi jangka masa tersebut. Ini adalah disebabkan oleh peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan lain-lain masalah yang sedang dihadapi dalam melaksanakan projek tersebut. Bagi memastikan supaya matlamat pelaksanaan rumah murah tercapai, Kementerian saya melalui dewan Bandaraya telah menswastakan beberapa projek rumah

murah di Wilayah Persekutuan. Di bawah rancangan ini sebanyak lebih kurang 757 rumah murah akan dibina di Kampung Selamat, 510 di Kampung Haji Abdullah Hukum dan 4,000 lagi di Wangsa Maju dan 2,000 di Kampung Pandan.

Di bawah projek-projek yang akan diwastakan beberapa unit rumah kos sederhana juga turut dibina di Wilayah Persekutuan bagi menampung permintaan pembeli-pembeli yang mahukan rumah jenis tersebut. Bagi tujuan ini sebanyak lebih kurang 1,720 unit akan dibina di Kampung Haji Abdullah Hukum, 8,000 unit di Wangsa Maju dan 3,070 unit di Setapak, Gombak dan Cheras di bawah sistem construction dan 1,120 unit lagi di Kampung Pandan.

Berhubung dengan cadangan untuk menyediakan latihan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan kurang pengalaman pula, ingin saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan-jabatan tertentu di peringkat pusat dan negeri. Walau bagaimanapun Kementerian saya dan agensi-agensi di bawahnya telah dan akan memberi bantuan-bantuan kepada agensi-agensi tersebut bagi membolehkan mereka menjalankan peranan mereka dengan lycin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur juga telah mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mewujudkan kawasan-kawasan untuk perusahaan kecil. Seperti saya menjawab soalan ini pada petang ini, saya sukalah juga sekali lagi menjelaskan perkara ini kepada Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pelan struktur Kuala Lumpur menganggarkan bahawa menjelang tahun 2,000 seluas 1,340 hektar tanah untuk industri termasuk industri kecil diperlukan di

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi mencapai matlamat ini Kementerian saya telah mengenal pasti beberapa kawasan sama ada tanah Kerajaan mahupun tanah swasta yang boleh dijadikan sebagai kawasan industri. Sebagai permulaan Kementerian saya akan menswastakan beberapa kawasan untuk dijadikan kawasan industri di Kuala Lumpur. Di antara kawasan-kawasan yang terlibat ialah kawasan Fasa 6A dan 6B Bandar Tun Razak, Kawasan Kampung Selamat, Sungai Besi, Kawasan Wangsa Maju, Salak South dan lain-lain.

Kementerian saya memang sedar akan keperluan industri-industri kecil ini dan dari masa ke semasa akan mengenal pasti tapak-tapak industri yang sesuai bagi mewujudkan kawasan-kawasan seperti ini untuk perusahaan-perusahaan kecil dan perusahaan-perusahaan lain di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya disediakan lebih banyak peluang-peluang dan tapak-tapak untuk penjaja kecil, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya sebenarnya mempunyai program-program yang tersendiri bagi menampung pertumbuhan penjaja-penjaja kecil di Wilayah Persekutuan.

Sehingga bulan Jun, 1984, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan sebanyak 15,988 lesen kepada peniaga-peniaga kecil sama ada yang berniaga di dalam bangunan tetap atau sebaliknya. Sebanyak 27.2% yang berniaga dalam bangunan tetap melalui projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 69.5% penjaja berlesen di luar bangunan, di tepi jalan atau di lorong-lorong dan di tanah kosong. Sebanyak 2.8% penjaja-penjaja yang beredar di luar kawasan pusat bandar. Buat masa ini juga agensi berkenaan sedang dan

akan membina gerai-gerai penjaja berjumlah lebih kurang 150 unit di beberapa kawasan yang difikirkan sesuai menjelang akhir tahun 1985. Untuk menambahkan lagi tapak-tapak untuk penjaja kecil, syarat-syarat telah dikenakan kepada pemaju-pemaju yang hendak membina bangunan tinggi bagi menyediakan ruang-ruang penjaja dalam bangunan yang dicadangkan. Syarat-syarat itu terkandung dalam pelan pembangunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pemaju-pemaju juga dikehendaki menyediakan gerai-gerai yang akan disewakan kepada penjaja dengan persetujuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Begitu juga dengan pondok-pondok perhentian bas yang terletak di tempat-tempat tertentu dan gerai-gerai kecil akan disediakan dan disewakan kepada penjaja-penjaja. Semua ini adalah peluang-peluang yang lebih luas untuk penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan tetapi penjaja-penjaja sendiri perlulah sedar kewajibannya menunai dan menjaga keadaan di gerai dan sekitarnya supaya sentiasa bersih dan indah serta barang-barang yang dijual itu bersih dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah mencadangkan supaya kualiti kehidupan setinggan diperbaiki. Dalam usaha ini Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun mewujudkan satu program yang dikenali sebagai Program Nadi. Program ini merupakan satu program yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah penduduk yang berpendapatan rendah terutama golongan setinggan dengan tujuan untuk menaikkan taraf sosio ekonomi mereka. Di bawah program ini agensi Kerajaan akan menyumbang tenaga dan kemudahan bagi menyediakan kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan dan lain-lain lagi untuk

penduduk setinggan. Pada masa ini Kementerian telah pun mewujudkan 13 pusat Program Nadi di Wilayah Persekutuan dan Kementerian juga mempunyai cadangan untuk menambahkan lagi pusat nadi di masa-masa akan datang. Ini tergantunglah kepada peruntukan kewangan yang saya katakan tadi terhad sedikit.

Selain daripada usaha ini, Kementerian juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu dibangunkan semula dengan tujuan supaya kualiti kehidupan setinggan dapat diperbaiki. Bagi mencapai matlamat ini kawasan-kawasan setinggan akan dibangunkan semula dan penduduk-penduduk setempat akan diberi kemudahan yang lebih baik dari apa yang ada sekarang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara kawasan-kawasan yang akan dibangunkan semula ialah kawasan Kampung Pandan yang melibatkan 8,341 orang penduduk, kawasan Sentul, kawasan Kampung Haji Abdullah Hukum dan lain-lain kawasan yang akan dibeli dari masa ke semasa. Dengan adanya rancangan ini Kementerian bukan sahaja akan dapat memperbaiki kualiti kehidupan setinggan malahan akan dapat memberi kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk melalui pembangunan yang terancang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak pula, supaya meneliti perkembangan dan pengeluaran lesen rumah-rumah urut di Wilayah Persekutuan, ingin saya jelaskan di sini bahawa lesen hanya diluluskan dan dikeluarkan kepada hotel-hotel kelas pertama dan sebahagian hotel kelas kedua sahaja. Ini adalah untuk memudahkan pengawalan oleh pihak penguatkuasa.

Pada tahun 1983 dan sebelumnya sebanyak 20 lesen telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

dan pada tahun ini hanya satu lesen sahaja yang diluluskan. Mengikut satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 1983 terdapat lebih kurang 100 rumah urut yang tidak berlesen. Tindakan penguatkuasaan sedang dan akan diambil dari semasa ke semasa terhadap rumah-rumah urut yang tidak berlesen dengan tujuan bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan mereka yang tidak berlesen ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak supaya Jalan Haji Taib ditukarkan namanya, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian saya tidak bercadang untuk menukar nama itu kepada nama yang lain. Apa yang penting ialah memastikan supaya kawasan itu tidak digunakan

Timbalan Yang di-Pertua: Dia minta tukar nama Jalan Idris pun tidak boleh layan?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, kita tetapkan sahaja Jalan Haji Taib. Apa yang penting ialah memastikan supaya kawasan itu tidak digunakan sebagai kawasan maksiat. Tindakan-tindakan bersama telah dijalankan dengan Polis, Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di kawasan tersebut. Ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya nama Haji Taib tidak dibabitkan dengan kegiatan-kegiatan maksiat, malahan akan menjadi nama satu kawasan yang membangun dengan pesat serta terkemuka dari segi penghidupan masyarakat Kuala Lumpur. Ini memerlukan sedikit masa serta melalui perancangan yang teratur.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu, saya memang sedar tentang perlunya diwujudkan suasana

membeli-belah di Labuan. Ingin saya maklumkan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Pusat untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan bukan sahaja sebagai tempat pelancongan malahan sebagai tempat yang akan memberi kemudahan-kemudahan bagi beberapa jenis industri dan perdagangan. Untuk mencapai matlamat ini tempoh hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha di Labuan dengan tujuan untuk menambahkan lagi pelaburan-pelaburan tertentu di Labuan dan juga dengan tujuan untuk mencari jalan bagaimana Pulau Labuan boleh dimajukan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang lain yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya. Sekiranya saya tidak menyentuh di atas pandangan dan teguran mereka, sukalah saya menegaskan bahawa pandangan dan teguran telah diambil kira dan akan diberi perhatian sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawab.

5.13 ptg.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap Kementerian Pertanian. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Pertanian Negara adalah bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada

pembangunan ekonomi negara keseluruhannya dengan menentukan matlamat-matlamatnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lambir, Padang Rengas, Parit dan Ulu Rajang menyentuh mengenai masalah kemiskinan di kalangan kaum tani. Kerajaan sedar bahawa di antara beberapa faktor yang menyebabkan kemiskinan masyarakat luar bandar termasuklah ketiadaan pemilikan tanah dan pemilikan tanah yang saiznya tidak ekonomik dan pemilikan yang tidak bergeran. Faktor-faktor ini telah diambil kira semasa Kerajaan merangka Dasar Pertanian Negara. Bagi petani yang tidak memiliki tanah, Kerajaan membuka peluang kepada mereka untuk menyertai pelbagai rancangan penempatan semula melalui skim-skim pembukaan tanah baharu supaya pendapatan dan taraf hidup bertambah baik. Bagi pemilik tanah yang saiznya tidak ekonomik, Kerajaan menggalakkan mereka supaya mengusahakan aktiviti-aktiviti pertanian secara berkelompok supaya penyampaian input pertanian, penggunaan jentera moden dan pengurusan aktiviti pertanian boleh dilaksanakan dan diselaraskan dengan berkesan bagi menambahkan hasil dan pulangan kepada mereka. Langkah-langkah ini telah mula dilaksanakan di kawasan-kawasan tanaman padi dan di kawasan-kawasan pemulihan tanah sawah terbiar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Bachok dan Julau ada menyentuh mengenai pencapaian matlamat pemberian subsidi kepada petani-petani. Pihak Kementerian Pertanian sentiasa mengawasi dan menumpukan penekanan kepada setiap program-program yang dijalankan dan sentiasa mengkaji pencapaian matlamatnya dan jika perlu akan mengubahsuai dari masa ke semasa supaya setiap skim subsidi yang dijalankan benar-benar sampai kepada kumpulan sasarannya.

Keputusan telah juga dibuat untuk menyerahkan tugas pengedaran baja-baja kepada konsortium peladang semata-mata untuk membolehkan petani dan peladang melalui pertubuhan mereka di peringkat negeri dan persekutuan dan kawasan menguruskan sendiri urusan pengedaran baja ini. Dengan demikian faedah dapat dinikmati terus oleh petani-petani itu sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit, Kementerian Pertanian mengambil berat terhadap pegawai-pegawai yang menyeleweng dari tugas-tugas melaksanakan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat. Sekiranya tuduhan tersebut benar tindakan sewajarnya akan diambil bagi mereka yang terlibat. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan lanjut kepada soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai benih-benih padi yang tidak sampai kepada petani-petani oleh kerana agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan membawa benih-benih itu ke kilang padi untuk diproses menjadi beras. Dalam pengetahuan Kementerian sehingga kini tidak ada benih padi yang bermutu baik yang diperuntukkan kepada petani-petani telah dijual oleh pegawai ataupun agensi Kerajaan. Semua benih yang bermutu telah dikeluarkan daripada stok dan disampaikan oleh pegawai kepada petani-petani yang memerlukan benih tersebut dengan cara jualan tunai, tukar ataupun diberikan secara percuma. Pemberian percuma telah dibuat di kawasan-kawasan terlibat dengan projek pemulihan sawah terbiar dan petak-petak demonstrasi oleh Jabatan Pertanian ataupun pihak KADA.

Petani-petani yang telah menerima benih-benih padi secara percuma dikehendaki untuk menandatangani penerimaan benih padi itu dalam satu

senarai yang telah disediakan untuk menunjukkan bahawa jumlah benih padi yang dikeluarkan adalah bersamaan dengan jumlah benih padi yang telah diterima oleh petani-petani di dalam satu-satu projek pemuliharaan sawah terbiar ataupun petak demonstrasi secara kelompok. Benih-benih padi bermutu ini juga boleh diperolehi oleh petani yang berhajat dengan menukarkan padi mereka atau belian secara tunai. Walau bagaimanapun sekiranya dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat itu didapati benar, tentunya kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan.

Yang Berhormat dari Matang membangkitkan mengenai pegawai-pegawai pertanian di kawasan beliau yang mengikutnya kurang menemui petani-petani. Jabatan Pertanian di bawah Kementerian saya sedang melaksanakan sistem pengembangan "2L, latihan dan lawatan, yang memerlukan pegawai-pegawai pertanian berjumpa dengan petani-petani mengikut jadual sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua minggu. Jadual perjumpaan pegawai pertanian dengan petani di bawah sistem ini adalah dengan persetujuan petani-petani berkenaan. Kementerian Pertanian mengambil berat terhadap masalah petani dan keputusan telah membuat supaya pegawai-pegawai dari agensi-agensi lain di bawah Kementerian ini juga menemui petani-petani melalui sistem "2L" termasuk pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair.

Sekali lagi saya ingin memberi pengakuan bahawa oleh kerana pegawai-pegawai yang terlibat itu adalah ramai ada kemungkinan di antara mereka itu dianggap cuai dan sekiranya kita dapati keadaan itu berlaku kita tentunya akan memastikan bahawa perkara itu tidak akan berulang, insya Allah.

Sukacita juga saya menjelaskan perkara yang disentuh oleh Yang

Berhormat dari Ulu Muda mengenai penyata kewangan agensi Kementerian iaitu MARDI di mana perbelanjaan yang tidak diluluskan melebihi \$2.3 juta. Perbelanjaan berjumlah \$2,321,631 adalah untuk bayaran gaji dan bil-bil telefon, elektrik dan air dari tahun 1973 hingga 1982. Semua bayaran telah diluluskan oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa. Pada masa bayaran dibuat semua dokumen asal ada bersama-sama dengan baucer berkenaan. Dengan demikian, soal bayaran tanpa kebenaran pihak berkuasa tidaklah timbul. Walaupun salinan-salinan dokumen bagi menyokong bayaran tersebut di atas ada di dalam simpanan Ibu Pejabat dan telah dikemukakan kepada pihak Audit tetapi pihak Audit tidak dapat menerimanya sebagai bukti-bukti yang cukup oleh sebab ketiadaan dokumen asal.

Untuk makluman, jumlah \$2,321,163 telah dikurangkan kepada \$1,772,192 kerana telah pun diperolehi dokumen-dokumen asal. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan bocer-bocer pembayaran yang bakinya.

Menyentuh saranan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tampin supaya pihak Kerajaan menumpukan kepada usaha penternakan lembu susu daging dan kambing dijadikan industri desa yang bercorak komersil, perkara ini sememangnya menjadi perhatian dan galakan oleh Kementerian. Kerajaan sedar bahawa negara ini masih lagi mengimport daging lembu, kambing dan biri-biri bagi menampung keperluan penduduknya. Ini kerana pengeluaran daging di dalam negara adalah lebih mahal dibandingkan dengan yang diimport dari luar negeri.

Program pengeluaran yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan selaras dengan strategi pembangunan sektor ternakan untuk mempertingkatkan daya pengeluaran

daging tempatan melalui rancangan-rancangan berikut:

- (1) Rancangan pemeliharaan bibit;
- (2) Rancangan penggemukan;
- (3) Rancangan pemeliharaan kambing dan biri-biri

Timbalan Yang di-Pertua: Binatang yang hendak bagi gemuk, hendak kena ada rancangan juga Yang Berhormat?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Ya, ya, kalau tidak

Timbalan Yang di-Pertua: Manusia tak payah rancangan pun dia gemuk dengan sendirinya.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Manusia yang gemuk, Tuan Yang di-Pertua, tanpa rancangan itu membawa penyakit. Tetapi kalau lembu dan kambing yang dirancangan, akan membawa kepada keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu tepat saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang mengatakan penyediaan parit dan taliair tidak sempurna oleh kerana perancangan yang lemah kerana sesungguhnya perancangan dan pelaksanaan sesuatu sistem parit dan taliair biasanya dijalankan setelah mengambil kira keadaan tanah sawah dan punca-punca air secara menyeluruh. Kejayaan untuk memberi bekalan air kepada sawah dengan sempurna banyak bergantung kepada punca air yang sentiasa mencukupi dan juga kepada pengurusan air (water management) di peringkat ladang dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, kajian sosial yang telah dijalankan di Kampong Sungai Batang di Sik, Kedah di kawasan beliau adalah berkaitan dengan kajian awal bagi pelaksanaan projek Ampangan Bris dan telah dijalankan sebagai projek

bantuan teknikal daripada negeri Jepun. Kajian sosial seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dijalankan untuk menilai kesan pelaksanaan projek ampangan tersebut dan juga untuk mengkaji sama ada langkah-langkah dapat diambil untuk mengatasi masalah sampingan yang mungkin akan timbul.

Memandangkan bahawa pakar-pakar sosiologi tempatan adalah lebih sesuai untuk menjalankan kegiatan-kegiatan seperti ini dan pertimbangan telah dibuat untuk mengambil pegawai-pegawai di Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) untuk menjalankan kajian tersebut.

Adalah juga perlu dijelaskan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda bahawa sebenarnya penggunaan khidmat pakar perunding tempatan tidak melibatkan penentuan arah aliran jalan-jalan di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Lembah Kedah. Pakar perunding tempatan digunakan hanyalah untuk melaksanakan kerja-kerja menyukat dan penyediaan rekabentuk jalan sahaja. Memandangkan kerja-kerja pembinaan jalan-jalan di daerah Baling sejauh 370 kilometer ini perlu disiapkan dalam masa yang singkat dan pihak projek di bawah komponen JKR mengalami kekurangan keupayaan dalam penyelenggaraan kerja-kerja tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lambir, Mas Gading, Betong, Ulu Rajang, Batang Lupar dan Julau membangkitkan mengenai masalah-masalah petani di sana yang perlu mendapat perhatian dari pihak Kerajaan. Untuk mengadakan pembangunan pertanian secara besar-besaran di Sarawak, Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Dengan pendekatan ini, agensi-agensi

Kerajaan tertentu akan bertindak bersama dalam mengadakan segala kemudahan dan perkhidmatan pertanian yang lebih moden kepada petani khususnya di luar bandar. Ini adalah bertujuan supaya semua komponen projek dapat berfungsi dan bergerak bersama dalam memperbaiki hasil pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk langkah permulaan, Kementerian telah mengenal pasti tiga buah projek di mana kajian telah dan sedang dijalankan di beberapa kawasan seperti kajian kemungkinan Sungai Samarahan, Lembah Limbang, Saribas, Daerah Kalaka dan kawasan Miri-Bintulu.

Dalam menjalankan pembangunan pertanian secara besar-besaran di kawasan pedalaman di Sarawak, beberapa faktor hendaklah diambil kira terutama sekali kesesuaian tanah bagi tanaman sama ada kawasan tersebut senang dihubungi dan taraf hak milik tanah. Kawasan tanah yang sesuai untuk pertanian di seluruh Sarawak sudah pun dikenal pasti. Kerajaan menerusi badan-badan berkanun yang tertentu sedang mengkaji kawasan-kawasan yang dapat dibangunkan secara praktikal.

Pada mulanya kawasan-kawasan berdekatan dengan jalan raya ataupun dibekalkan dengan infra-struktur akan dimajukan dan akan diikuti insya Allah dengan pembangunan di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang yang mana kawasannya tidak dapat dihubungi kecuali melalui Sungai Rajang, pelaksanaan pertanian secara besar-besaran sudah tentu akan mengambil masa yang panjang. Tambahan pula ketiadaan kawasan pertanian yang luas tambah menyulitkan kemungkinan

mengadakan kemajuan pertanian secara besar-besaran di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Betong mengenai penubuhan cawangan Bank Pertanian Malaysia di Sarawak, pihak Kementerian telah pun merancang untuk menambahkan bilangan cawangan-cawangan Bank Pertanian di Sarawak seperti di Miri, Sibu, Simanggang dan Limbang. Tetapi malangnya rancangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan akibat dari kemelesetan ekonomi sekarang. Walau bagaimanapun, rancangan penubuhan di tempat-tempat tersebut akan dikemukakan semula lagi untuk pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, insya Allah.

Mengenai masalah cagaran untuk mendapatkan pinjaman Bank Pertanian, adalah benar semua pinjaman mesti dijamin dengan menggunakan harta tetap seperti tanah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sekiranya pemohon tidak memiliki tanah atau lain-lain harta yang boleh diterima sebagai cagaran oleh Bank Pertanian sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang, sedangkan projek-projek yang bakal diusahakan itu dianggap "viable" dan berpotensi, Bank Pertanian tentunya akan menimbang untuk menerima penjamin-penjamin sebagai memenuhi syarat-syarat pinjaman.

Ahli Yang Berhormat dari Betong pernah merasa tapai yang dibuat daripada pulut hasil penyelidikan MARDI yang manis rasanya dan enak sekali. Dan beliau inginkan supaya hasil-hasil penyelidikan yang baru juga disampaikan ke Sarawak.

Sebenarnya langkah-langkah telah diambil untuk memastikan yang maklumat terhadap teknologi yang

ditemui di MARDI disebarkan kepada agensi berkenaan di Sarawak. MARDI telah pun mengeluarkan ragi untuk menghasilkan tapai daripada pulut. Teknologi untuk menghasilkan ragi boleh diberi kepada mana-mana usahawan dan untuk menghasilkan ragi tersebut dan memasarkannya ke Sarawak, kalau Ahli Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk buat tapai bolehlah Yang Berhormat, untuk buat tuak tak boleh bagi.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tak boleh, tak boleh. Tetapi saya minta supaya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan merasakan dahulu sama ada nanti "viable" di Sarawak atau tidak.

Cara-cara penggunaan ragi berkenaan dengan pulut tempatan boleh dikemukakan dan ditunjuk ajar oleh MARDI.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkanlah saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghormatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian mereka, teguran mereka, kritikan mereka dan "concern" mereka supaya pembangunan sektor pertanian dapat ditingkatkan dan nasib petani-petani dan nelayan-nelayan mendapat pembelaan yang wajar.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi menjawab serta menggulung perbahasan di peringkat bacaan kali yang kedua. Silakan Yang Berhormat.

5.30 ptg.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta juga

cadangan terhadap Belanjawan 1985. Saya rasa terharu dengan sokongan kuat yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sokongan tersebut akan menjadi perangsang kepada saya dalam menjalankan tugas, memberi khidmat kepada negara.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal prestasi ekonomi Malaysia terutamanya mengenai imbalan pembayaran. Seperti yang telah saya nyatakan apabila membentangkan Belanjawan, keadaan ekonomi negara semakin bertambah baik. Perangkaan permulaan yang diperolehi menunjukkan jumlah eksport barangan telah meningkat sebanyak 21.7% kepada \$25,168 juta dalam lapan bulan pertama tahun ini perbandingan dengan \$20,683 juta pada tempoh yang sama tahun lalu. Import barangan sebaliknya telah meningkat sebanyak 9.1% pada kira-kira \$21,936 juta berbanding dengan \$20,106 juta pada tempoh yang sama tahun lalu. Oleh itu lebih imbalan perdagangan Malaysia, bagi lapan bulan pertama tahun ini meningkat kepada kira-kira \$3,232 juta berbanding dengan hanya \$576 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu. Sekiranya arah aliran yang menggalakkan ini berterusan, lebih akaun dagangan imbalan pembayaran bagi seluruh tahun 1984 mungkin akan melebihi \$4,726 juta yang dianggarkan dalam Laporan Ekonomi. Ini menunjukkan bahawa ekonomi kita semakin pulih dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mula memberi kesan.

Soal Agensi-agensi Di Luar Belanjawan juga ditimbulkan. Ahli-ahli Yang Berhormat menegur tentang perbelanjaan yang tinggi oleh beberapa agensi ini.

Saya suka sekali lagi memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan akan terus mengawasi perjalanan agensi-agensi ini supaya perbelanjaan adalah

selaras dengan sumber kewangan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dan imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah bercakap panjang lebar mengenai cadangan-cadangan cukai yang dibentang dalam ucapan Belanjawan. Yang banyak sekali disentuh ialah penyusunan semula struktur cukai pendapatan perseorangan. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Belanjawan 1985 adalah untuk orang-orang kaya. Cadangan juga telah dibuat supaya potongan cukai yang lebih perlu diberi kepada golongan berpendapatan rendah dan pertengahan bawah. Sebenarnya kadar cukai pendapatan perseorangan terutamanya bagi mereka yang kaya yang dikuatkuasakan selama ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran. Oleh yang demikian, pengurangan cukai yang diberikan kepada mereka adalah wajar dan saksama. Manakala kadar cukai ke atas golongan berpendapatan kecil adalah lebih rendah di Malaysia ataupun lebih kurang sama dengan negara-negara jiran. Di samping itu harapan Kerajaan ialah dengan pengurangan cukai tersebut akan menggalakkan rakyat bekerja dengan lebih tekun dan keras lagi. Ini akan meningkatkan daya pengeluaran, simpanan dan pelaburan. Seterusnya insentif ini akan mewujudkan iklim yang sesuai kepada sektor swasta untuk berkembang dengan lebih pesat lagi.

Saya juga ingin mengambil peluang di sini untuk menerangkan bahawa oleh kerana pelepasan cukai yang liberal serta rebate cukai, mereka yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang berat tidak dikenakan cukai pendapatan. Di bawah struktur baru ini seseorang yang mempunyai isteri dan lima orang anak hanya akan membayar cukai

apabila pendapatannya melebihi \$1,050 sebulan atau \$12,600 setahun. Oleh yang demikian, kira-kira 10% sahaja daripada jumlah pekerja di negara ini yang membayar cukai.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang yang tidak bersyukur dengan pelepasan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan. Barangkali mereka tidak tahu menggunakan wang yang berlebihan itu. Jika inilah masalahnya, saya suka mencadangkan kepada mereka supaya menyambut seruan Kerajaan untuk menderma umpamanya, kepada projek-projek mengindahkan alam sekitar ataupun kepada golongan miskin. Saya mencabar mereka untuk berbuat demikian bersesuaian dengan apa yang mereka laungkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan kenaikan cukai jalan ke atas motosikal. Di sini suka saya menjelaskan bahawa jenis motosikal yang biasa digunakan oleh golongan berpendapatan rendah ialah motosikal yang mempunyai kuasa enjin 150 c.c. ke bawah. Kadar kenaikan cukai jalan bagi motosikal jenis ini adalah rendah iaitu antara \$5 hingga \$10 sahaja.

Berkaitan dengan duti ke atas tayar pula, suka saya menerangkan di sini bahawa ianya dinaikkan untuk menggalakkan industri tayar tempatan. Pada masa ini industri tersebut mengeluarkan tayar trektor yang digunakan bagi sektor pertanian. Malahan industri ini mampu mengeluarkan apa juga jenis tayar yang diperlukan jika permintaan mencukupi. Dengan kenaikan cukai ini adalah diharapkan penggunaan tayar buatan tempatan akan meningkat dan industri yang berasaskan getah ini akan terus maju lagi.

Ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu cukai perkhidmatan. Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan tidak bercadang mengurangkan cukai perkhidmatan ke atas restoran-restoran dan tempat-tempat makanan di luar hotel kerana cukai ini dikenakan kepada restoran-restoran yang besar sahaja yang dikunjungi oleh mereka yang berada. Ada juga teguran dibuat mengenai kecekapan pentadbiran Kerajaan dalam mengutip cukai. Dalam hal ini, ingin saya menegaskan langkah-langkah akan terus diambil bagi memperkemas lagi pentadbiran cukai terutamanya bagi mengurangkan kes pengelakkan dari membayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan tahun 1985, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyuarkan pendapat bahawa peruntukan yang dicadangkan tidak mencukupi. Memandangkan keadaan kewangan negara sekarang ini yang masih kurang memuaskan dan untuk membaiki kedudukan imbalan pembayaran, Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam perbelanjaannya. Namun begitu, sukalah saya menegaskan bahawa dalam menimbang peruntukan, keutamaan diberi kepada projek-projek yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menambah pendapatan terutama sekali bagi golongan yang miskin. Walau bagaimanapun, perhatian yang wajar akan diberi oleh Kerajaan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan sekiranya keadaan kewangan mengizinkan, peruntukan yang lebih akan disediakan di masa-masa hadapan.

Kerajaan juga diminta supaya memberikan lebih banyak lagi peruntukan kepada projek-projek pembasmian kemiskinan. Kerajaan memang memberi keutamaan kepada

perkara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak \$2,190 juta atau 29% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan adalah dikhaskan bagi projek-projek membasmi kemiskinan. Di samping itu peruntukan-peruntukan yang secara tidak langsung seperti untuk pelajaran dan kesihatan dapat membantu mencapai matlamat pembasmian kemiskinan. Sesungguhnya pembangunan dalam kedua-dua bidang ini banyak membantu ke arah matlamat menerusi peningkatan taraf sosio ekonomi rakyat. Sejak tahun 1981, Kerajaan Persekutuan sebagai tambahan juga menyediakan peruntukan baru sebanyak \$100 juta tiap-tiap tahun kepada negeri-negeri. Pemberian ini adalah berasaskan kepada tahap pembangunan sosio ekonomi luar bandar.

Ada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang perlantikan juru perunding luar negeri bagi kajian-kajian dan projek-projek di negeri ini. Di sini saya memaklumkan bahawa Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu telah pun mengambil tindakan untuk mengurangkan perkhidmatan juru perunding luar negeri selaras dengan tujuan untuk menyekat pengaliran keluar matawang asing. Dalam hubungan ini, dasar Kerajaan ialah untuk melantik juru perunding tempatan dan mereka yang dibenarkan untuk mendapat rakan usahasama luar negeri di mana kepakaran tertentu tidak diperolehi dari dalam negeri.

Ada juga yang mencadangkan supaya penggunaan bahan-bahan dalam negeri dipertingkatkan dan kontrak yang bernilai kurang daripada \$30 juta diberikan kepada kontraktor tempatan. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah pun melaksanakan dasar di mana kontrak-kontrak kerja

akan hanya diberi kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di dalam negeri ini sahaja. Di samping itu badan-badan Kerajaan adalah dikehendaki di mana boleh membeli barang-barang yang dibuat dalam negeri. Ini termasuklah juga bahan-bahan binaan bagi kontrak-kontrak Kerajaan dan kejuruteraan awam.

Perkara sub-kontrak kepada syarikat-syarikat bumiputera bagi kontrak kerja juga telah dibangkitkan. Satu cadangan telah dikemukakan supaya kontrak pembinaan di asingkan mengikut kepakaran terutamanya plumbing dan sanitary.

Di sini saya suka menerangkan bahawa kontrak turnkey memang ada disyaratkan supaya 30% daripada nilai kerja dikhaskan kepada bumiputera. Bagi kontrak biasa di mana yang boleh, kerja dipecah-pecahkan mengikut bidang yang berkenaan dan bumiputera boleh mengambil bahagian untuk mendapat kerja-kerja itu. Keutamaan seterusnya akan diberi kepada mereka. Inilah merupakan tambahan kepada 30% daripada nilai kerja yang dikhaskan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali bercakap tentang isu BMF baik di luar mahupun di Dewan ini. Hari ini saya terpaksa bercakap lagi tentang hal ini kerana ia masih ditimbulkan di dalam perbincangan Belanjawan, walaupun Dewan ini telah memperuntukkan masa yang mencukupi bagi perbincangan isu tersebut. Walaupun demikian, ingin saya menegaskan bahawa tuduhan pihak Pembangkang yang Kerajaan tidak jujur di dalam mengendalikan skandal BMF adalah suatu tuduhan yang melulu. Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat Khas untuk tujuan itu dan mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan perkara seperti skandal BMF tidak berulang lagi. Janji Kerajaan untuk mengumumkan

kandungan laporan awal itu telah pun dikotakan.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang yang masih sangsi dengan jujuran dan keikhlasan Kerajaan bagi menyasat perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sebelum ini pernah mengambil tindakan ke atas Menteri, Menteri-menteri Besar dan orang-orang kenamaan lain yang didapati bersalah. Saya ingin memberi jaminan sekali lagi bahawa dalam kes BMF ini juga, Kerajaan pasti akan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab, sekiranya ada bukti.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat menyambut baik Belanjawan tahun 1985. Kepada teguran-teguran membina dan menggalakkan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang puas hati dan terus-menerus menyatakan bahawa Kerajaan tidak menjaga kepentingan kumpulan rakyat yang berpendapatan rendah. Perlulah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki taraf hidup rakyat jelata terutamanya yang berpendapatan rendah.

Kita tidak harus melihat Belanjawan dari segi cukai sahaja tetapi juga kepada peruntukan seperti pelajaran, kesihatan, pertanian dan sebagainya. Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit bukan sahaja dalam Belanjawan ini tetapi juga dalam Belanjawan pada tahun-tahun yang lepas untuk faedah semua rakyat. Ini telah membangkitkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Usaha-usaha Kerajaan untuk membantu rakyat terutama sekali yang berpendapatan rendah akan terus digalakkan walaupun dalam keadaan ekonomi

sekarang yang sedang pulih dari kesan kemelesetan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh ekonomi negara, Kerajaan sangat-sangatlah memerlukan kerjasama dan sumbangan di semua pihak. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah memperkukuhkan kedudukan kewangannya. Usaha ini perlu dicontohi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan termasuk Agensi-agensi di Luar Belanjawan. Tabiat berjimat cermat hendaklah diamalkan oleh semua sektor awam tanpa menjejaskan prestasi perkhidmatan kepada rakyat. Rakyat juga dapat membantu usaha Kerajaan dengan mengamalkan tabiat berjimat cermat dan mengingatkan penggunaan perkhidmatan dan barang-barang keluaran tempatan. Seperti yang telah saya tekankan sektor swasta perlu mengambil inisiatif yang lebih dan memainkan peranan yang agresif dalam pembangunan negara. Kerajaan bersedia memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha yang tulin dan akan terus mewujudkan suasana yang baik untuk semua pihak dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negara yang tercinta ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di

atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

5.45 ptg.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang tidak lebih \$14,120,313,070 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1985 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.63 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih

\$7,653,524,924 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1985 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.12, P.14, P.16 hingga P.28, P.31, P.33 hingga P.37, P.42, P.44 hingga P.64 bagi Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan dalam Jawatankuasa ini oleh kerana saya telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam ucapan Belanjawan saya pada 19hb Oktober, 1984 yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati di dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24/1984.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11 dan B.12 (Jadual)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud bekalan B.1 hingga B.12 dan Maksud Pembangunan P.7 hingga P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.47 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam Butiran B.12—Jabatan Perpaduan Negara, Butiran 2, Perancangan dan

Penyelidikan, dan Butiran 3, Perhubungan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, tujuan jabatan ini adalah mulia sekali dengan hasrat untuk menyemaikan perasaan muhibbah dan perpaduan dikalangan rakyat berbagai kaum di negara ini. Bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu menanamkan perasaan yakin dan percaya kepada Kerajaan bagi menjamin kerjasama yang sepenuhnya oleh rakyat terhadap dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan. Membantu agensi-agensi Kerajaan atau swasta yang memerlukan bantuan terhadap masalah konflik kaum supaya dapat dipulihkan semua keadaan yang aman dan saling mempercayai di antara rakyat dalam negara ini.

Kalau kita tinjau dan mengkaji sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh jabatan ini dalam memenuhi tujuan-tujuan dan matlamatnya. Secara sihat kita dapat melihat semenjak ianya ditubuhkan, maka tidak siapa akan dapat menafikan tentang adanya kejayaan yang akan dapat mewujudkan suasana aman, damai, harmonis serta muhibbah antara kaum dalam negara ini. Boleh dikatakan sebahagian besar rakyatnya mempunyai perasaan yakin dan percaya penuh terhadap Kerajaan dan dasar yang dijalankan melainkan ada segelintir kecil yang tidak faham atau sengaja tidak mahu memahami serta mengutamakan kepentingan diri lebih daripada segala-galanya. Golongan segelintir inilah merupakan sampah di dalam mata ataupun tunjuk lurus kelingking berkait yang menghalang pelancaran tercapainya ke matlamat perpaduan ini yang paling menyedihkan ialah segelintir kecil itu jugalah bertindak merupakan racun yang amat bisa ataupun duri di dalam daging untuk menyuburkan atau membajai perkauman yang akan mewujudkan polarisasi kaum yang

berpanjangan dan berterusan dalam negara kita. Golongan ini telah memainkan isu-isu kecil dan remeh-temeh yang membabitkan satu-satu kaum untuk dibakar dan diapi-apikan supaya ianya terus menyala dan membakar. Mereka menimbulkan isu Bukit Cina, isu peribahasa, isu nama buah, isu tahi Adam untuk membangkitkan kemarahan satu-satu kaum terhadap kaum lain di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, kalau inilah perjuangan DAP yang mempunyai dasar dan matlamat yang kabur, maka ianya tidak ke mana-mana. Mereka ini seperti "Anjing menyalak bukit", kelakuannya melonjak-lonjak seperti "Kera kena belacan".

Tuan Pengerusi, peristiwa pembunuhan Puan Indira Ghandi, Perdana Menteri India adalah amat menyedihkan dan dirasai dan kita semua bersimpati. Oleh semua pemimpin dan bangsa yang waras, ianya merupakan satu kehilangan terhadap dunia

Tuan Pengerusi: Apa kena-mengena pembunuhan itu dengan perjalanan Jabatan Perpaduan ini?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad: Ada berkaitan dengan perpaduan, Tuan Pengerusi, yang ingin melihat keamanan dunia wujud, perpaduan kaum di India kukuh, Tuan Pengerusi. Pembunuhan dirancang begitu lama oleh satu puak di seluruh dunia. Kebencian satu kaum kepada kaum lain telah ternyata dan lahir dengan terang sekali sehingga dibawa ke negara kita dan dalam Dewan ini juga telah dibawa dan telah dirancang perkara-perkara ini. Rupa-rupanya peribahasa yang saya gunakan itu sebagai alasan, mohon izin, sebagai "scapegoat" sahaja, tetapi ditimbulkan beberapa kali adalah bertujuan menghina dan membenci satu kaum lain yang memang tidak disukainya.

Tuan Pengerusi, peribahasa saya digunakan sebagai alasan tetapi tujuan sebenarnya menghina dan menyakitkan hati orang-orang India, seolah-olah ianya pembela dan penjuang orang India, tetapi ianya pembunuh yang hendak memati dan melenyapkan kaum India dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, siapa yang sebenarnya menghina orang India? Dewan ini dan orang ramai patut menjadi hakim. Saya menyatakan peribahasa itu untuk perbandingan dan menguatkan hujah saya bahawa DAPlah lebih belit daripada orang India dan ular. Sebab itu saya katakan kalau kita berjumpa India dengan DAP, kita pukul DAP dahulu dari segi belitnya. Orang India yang waras dan orang India yang bijak, orang India yang faham ucapan saya; jangan orang India dalam DAP, kalau orang-orang India dalam MIC ia faham, disebaliknya akan berterima kasih kepada saya dan tidak bertindak melulu dan kepada mereka yang tidak memahami dan bertindak melulu itu, belajarlh Bahasa Malaysia cukup-cukup. Begitu jugalah Wakil dari Jelutong, belajar Bahasa Malaysia, biar benar-benar faham, jangan jadi seperti "Katak di bawah tempurung", jangan jadi "Musang berbulu ayam". Tetapi sebaliknya pula Wakil dari Jelutong menyebutkan beberapa kali untuk menghina dan menyakitkan hati orang India agar akan wujudnya keadaan pergaduhan dan prasangka buruk terhadap saya, merupakan perbuatan yang menyuburkan lagi perkauman di antara kaum dalam negara ini dan merupakan dasar perjuangan parti DAP yang dilakukan selama ini.

Tuan Pengerusi, orang-orang India jangan percayakan golongan yang nampak setia dan hendak menolong tetapi sebaliknya akan menjahanamkan orang India itu sendiri kerana golongan ini tidak

boleh dipercayai dan kerjanya mengapi-apikan semangat perkauman dan yang akan menggagalkan hasrat dan yang matlamat Kerajaan kepada perpaduan kaum dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, perpaduan negara dan taat setia rakyat kepada negara ini adalah amat penting bagi sebuah negara yang sedang membangun ini. Setiap warganegara dan setiap rakyat Malaysia akan sanggup hidup dan mati dalam negara ini. Kalau mereka tidak sanggup berbuat demikian, maka nyahlah daripada negara ini daripada sekarang supaya kita tidak menanggung gejala-gejala "Musuh dalam selimut, duri dalam daging, telunjuk mencucuk mata" yang akan menghalang perpaduan dan keharmonian kaum di dalam negara kita ini. Kita tidak mahu apabila "Nasi sudah menjadi bubur", baru kita hendak bertindak. Kerajaan hendaklah bertindak terhadap anasir-anasir yang boleh memecah-belahkan perpaduan kaum, anasir yang akan menggugat keamanan dan keselamatan negara kita.

Tuan Pengerusi, yang amat menyedihkan dan yang amat mendukacitakan sekali peristiwa pembunuhan Perdana Menteri India baru-baru ini dibawa ke negara kita oleh rakyat kita sendiri. Simpati kita terhadap pembunuhan itu tidak semestinya kita bertindak liar di luar dari peraturan dan undang-undang yang boleh menjejaskan hubungan rakyat kita di dalam negara ini. Sebaliknya rakyat kita yang mengaku taat setia kepada negara ini tidak seharusnya bergembira merayakan di saat kesedihan berjuta-juta rakyat India dan juga dunia terhadap peristiwa dan tragedi sedih itu. Inilah perbuatan yang meragukan kita. Apakah mereka ini masih berkiblat atau taat setianya berbelah bahagi kepada negara asal mereka? Kalau inilah yang masih wujud di kalangan rakyat kita, maka selama itulah

perpaduan yang tulen dan luhur tidak akan wujud dalam negara ini.

Oleh itu, Kerajaan mesti bertindak dan melakukan sesuatu yang mungkin perlu, jika perlu warganegara dilucutkan pun kami rela agar rakyat kita yang majmuk ini menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi dan sepenuhnya kepada negara kita Malaysia ini dan juga kepada Raja yang berperlembagaan itu. Kalau tidak sanggup dan masih ragu-ragu, sila keluar—pintu masih terbuka! Demokrasi tulen di tempat lain lebih baik daripada negara kita kalau mereka menganggap begitu. Walaupun beribu-ribu jiwa yang tidak berdosa terkorban, darah mengalir di sana sini, jangan buat kacau dalam negeri ini, perkara itu sudah berlaku. Jika mereka ini tidak ingin perkara itu berlaku di negeri ini, sila meninggalkan negara ini.

Sebab itulah di dalam ucapan dasar yang lepas, saya menyatakan masih terdapat segolongan rakyat kita membesar dan mengagung-agungkan negara lain. Tiap-tiap yang kita puji dan agung-agungkan itu, bermaknalah kita sukakan kepada benda itu. Kalau kita rakyat negara ini kita sukakan negara ini dengan luhur dan suci, hati yang bersih, maka hujan batu sekalipun di negara ini tetap kita suka, bukan mencaci. Tetapi yang hairan bagi saya sebenarnya negara kita ini adalah hujan emas kalau kita bandingkan dengan negara-negara asal mereka itu dan tidak salah lagi kata peribahasa "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri", kasih sayang kepada negara sendiri. Kalau lebih baik dan kasih sayang kepada negara sendiri, baiklah jangan tunggu-tunggu lagi. Kita mahu rakyat taat setia dan sanggup mati di dalam negara ini.

Ada juga yang mencuitkan saya di dalam ucapan saya dalam penggunaan peribahasa. Wakil dari Jelutong telah mengata kepada saya "tidak

manusia”, biarlah saya “tidak manusia” asalkan jangan saya ini binatang ataupun janganlah saya ini “Musang berjagut” sudahlah!

Tuan Pengerusi, Butiran 3.2 bahagian Pendidikan. Bagi memupuk perpaduan nasional tidak semudah yang difikirkan oleh Pembangkang. Ianya memerlukan masa dan tindakan yang berhati-hati, ianya melalui pendidikan dari semenjak kecil lagi, “Buluh hendaklah dilentur biarlah semasa rebung lagi”. Oleh itu satu suasana pendidikan yang sama di bawah satu kawasan yang sama dan bumbung yang sama adalah perlu dilaksanakan. Anak-anak kita yang kecil ini perlu dicorakkan dengan fahaman kasihkan negara ini, diperkenalkan sejarah keagungan negara kita dan peristiwa-peristiwa baik dan manis yang dicapai oleh negara kita bagi menghasilkan kasih sayang yang sejati lahir daripada jiwa anak-anak itu sendiri. Oleh itu pembentukan kebudayaan nasional Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga suasana pendidikan dan pengalaman yang sama akan menanamkan kejiwaan yang sama kepada negara ini. Sama ada cerdik sama-sama kita menikmati kecerdikan dan sama-sama kita menikmati kekayaan.

Pendidikan yang dijalankan oleh Kerajaan selepas merdeka kepada generasi muda ini adalah lebih baik dan boleh dipuji selagi ianya tidak diracuni oleh puak-puak yang berkepentingan dan puak-puak jahat yang tidak puas dengan apa yang ada pada mereka. Tetapi mereka yang berpendidikan sebelum merdeka, saya anggapkan sebagai buluh tua yang tidak dapat dilentur lagi yang tidak boleh membezakan antara buruk dan baik dalam pembentukan perpaduan negara. Mereka masih mewujudkan semangat perkauman dan mengungkit-ungkitkan dasar perimbangan dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, maka selama itulah

mereka tidak puas. Sekiranya tidak puas yang berlaku, maka itulah keadilan telah wujud dalam negara kita ini, kerana kepuasan satu-satu pihak akan menekan dan akan merampas hak-hak orang lain dalam negara ini. Oleh itu dasar yang dilakukan oleh Kerajaan itu adalah patut dan sewajarnya.

Saya ingin menyebut B.7, Butiran 11, muka surat 35; Aktiviti (a), Program Lembaga Urusan dan Tabung Haji, muka 556.

Peruntukan yang diberi sebanyak \$6,118,800 pada tahun ini dan pada tahun 1985 diberi sebanyak \$8,107,700 kira-kira \$1,188,900 lebih daripada peruntukan yang lepas dan harapan kita keadaan perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini akan bertambah baik.

Tuan Pengerusi, Sistem Muasasah yang diwujudkan oleh Kerajaan Saudi Arabia dengan persetujuan Tabung bagi tujuan kebaikan dan kesempurnaan dan keselesaan kepada jemaah haji Malaysia telah dianggap dan telah pun berlaku sebagai satu sistem “maha susah” kepada jemaah-jemaah Haji. Perkara ini saya alami sendiri sebagai jemaah haji biasa, saya tidak menerima sebarang keistimewaan dan saya rasa sendiri panas, busuk, debu, deraan syeikh-syeikh Arab dan Muasasah yang hanya mementingkan keuntungan yang besar bagi menyarai diri dan keluarga mereka selama setahun hasil daripada kerja tiga bulan.

Kesalahan ini terletak kepada Tabung Haji dan Kerajaan Arab Saudi serta Kerajaan kita yang terlampau percaya kepada Tabung Haji. Daripada 919,671 orang asing yang menunaikan Fardu Haji ke Mekah tahun ini hanya seramai 70,519 orang dari Asia Tenggara yang dikenakan Sistem Muasasah iaitu Malaysia sebanyak 24,000 Lebih, Indonesia 40,000, Singapura 2,947 dan Brunei 1,895 orang. Walaupun Tabung Haji

telah beberapa kali menyebutkan bahawa Muasasah akan dikenakan kepada semua negara tetapi apabila saya di Mekah di masa-masa lapang berpusing-pusing di bandar Mekah itu, yang saya nampak ialah Muasasah Asia Tenggara. Saya tidak nampak Muasasah daripada Pakistan, saya tidak nampak Muasasah daripada negara-negara Arab dan saya tidak nampak label-label Muasasah bagi negara-negara lain. Cuma yang terdapat Muasasah daripada negara Turkey.

Memang kita akui Muasasah yang dijalankan oleh negara Turkey adalah baik kerana mereka ini bertanggungjawab daripada negara mereka sehingga ke tanah Arab, semua motokar dan sebarang kenderaan dan juga pegawai-pegawai dibawa daripada Turkey hinggalah ke Madinah dan juga ke Mekah. Segalagalanya itu berjalan dengan baik dan benar-benar bertanggungjawab. Tidak seperti sebagaimana Tabung Haji hanya menguruskan penerbangan, sehingga di Mekah diserahkan bulat-bulat kepada Muasasah dan juga kepada Dalil di Madinah sehingga mereka ini menepuk-nepuk dada bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mempunyai kuasa apa-apa di sini dan kadang-kadang mereka mencebek dan merendah-rendahkan usaha yang dijalankan oleh Tabung Haji. Tabung Haji dan juga Kedutaan Malaysia kita di Arab Saudi bercakap di Malaysia ini akan memberi jaminan itu dan ini, hanya saya anggapkan sebagai propaganda kepada Muasasah dan juga syeikh-syeikh Haji yang tidak laku, kerana Tabung Haji tidak mempunyai kuasa apa-apa semasa di tanah Arab, hanya sebagai juru cakap, apa yang diminta oleh Muasasah. Bakseh Tabung Haji yang ditulis di label itu tidak ada apa-apa makna. Pegawai Muasasah lebih besar kuasa dan selalu mencebek-cebek terhadap yang dilakukan oleh Tabung Haji sendiri.

Sistem Muasasah ini ditentang oleh syeikh Haji yang rajin dan terkenal baik yang memberi perkhidmatan yang memuaskan kerana syeikh-syeikh ini biasanya mempunyai ramai jemaah, tetapi apabila ada Muasasah ini, mereka hanya dapat 300-400 orang. Inilah yang mereka tidak setuju dan pekerja-pekerjanya pula diambil daripada orang-orang yang tidak mahir. Pada hal syeikh-syeikh Haji yang rajin dan berkemahiran dia tidak terlibat, dia mahu, dia hendak menentang hal ini kerana merugikannya dan syeikh-syeikh Haji yang tidak laku inipun memang selama ini dia tidak bekerja. Dia lebih senang tidur, menghisap hogah, makan nasi minyak, gemuk, buncit perut, tidak buat apa-apa. Syeikh-syeikh yang kecil dan malas tidak membuat apa-apa. Syeikh yang kaya menentang sistem ini. Oleh itu Sistem Muasasah ini telah berjaya memberi makan kepada syeikh-syeikh Haji yang tidak laku dan malas. Akibatnya jemaah Haji yang menjadi mangsa. Co-operation atau Muasasah ini adalah untuk memberi rezeki-rezeki kepada tok syeikh-tok syeikh. Selama ini syeikh-syeikh ini bekerjasama mencari pekerja yang baik supaya namanya tidak tercemar serta memberi layanan yang memuaskan agar tahun hadapan bertambah. Tetapi apabila ada Sistem Muasasah ini, tidak perlu mencari mana-mana yang murah-murah, kadam daripada Yaman, kadam yang tidak mengerti Bahasa Melayu lagi senang supaya kita tidak boleh komplek apa-apa.

Apabila ada Muasasah ini, kita tidak tahu di mana tempat kita hendak mengadu kerana yang kita temui ialah kadam yang tidak mengerti bahasa Melayu dan yang ada seorang dua pun, tidak orang Malaysia, tidak orang Patani tetapi orang Indonesia yang juga tidak begitu mementingkan kita, tabiatnya sama lebih kurang dengan orang Arab juga, sehingga kalau kita tinggal di Mekah selama seminggu kita

tidak kenal lagi siapa taukeh siapa kuli. Kalau air tiada, kalau lubang najis tersumbat atau kekotoran yang berlaku, tidak tahu kepada siapa kita hendak mengadu. Tersumbat, tersumbatlan; busuk, busuklah. Inilah yang menyedihkan kita.

Dan juga yang menyambut kita di Mekah pun khadam dia, tahu angkat barang. Kadang-kadang dia ambil barang orang lain, tinggal atas bas barang kita.

Saya baca dalam buku yang diberikan ini—Risalah penerangan kepada Jemaah Haji Malaysia 1984. Saya tengok tanggungjawab Muasasah itu dua sahaja yang 100% iaitu No.10 dan No.11. Kira-kira 80% daripada tanggungjawab ini Muasasah tidak jalankan. Yang dua saya kata No.10 dan No.11 iaitulah mengambil pasport-pasport orang-orang haji dan menyimpannya, kerana dalam pasport itu ada voucher duit, ada voucher tuntutan dan memulangkan balik ketika pulang. Yang hilang pun ada. Yang hilang dia tidak peduli. Hilang kau punya fasal. Tetapi dia cepat sangat ambil benda itu, belum sempat naik bas atau turun lagi “pasport-pasport-pasport” itu cepat. Inilah yang menyedihkan kita kerana duit yang dia nampak sebab dalam pasport itu ada semua, ada voucher bayar kenderaan, ada voucher bayar rumah dan bermacam lagi dalam pasport itu, sebab itu dia istimewa kan perkara itu.

Kita baca 80% daripada tanggungjawab Muasasah itu tidak dijalankan. Saya tidak mahu sebut satu persatu. Kalau kita kesahkan bayaran \$400; sebenarnya \$400 sebagai tambahan yang dikenakan oleh Muasasah ini. Kalau kita niat untuk memberi kebaikan bagi Jemaah Haji kita, kita potong siang-siang atau jangan sebut. Kita ini semua tahu baca, kita duduk sana kita tahu. Misal kata hendak ke mana-mana, makan itu, makan ini, katalah, \$300, makan-bayar di Mina. Kalau sayur terung

dengan sambal lada, tulang ayam (tulang ayam itu isi sudah keluar, tinggal tulang sahaja). Dia kira ceduk sahaja. Makan tiga hari. Dan kalau disoal, dia kata, “Wah, datang ke Mekah ini hendak buat amalkah hendak makan sedap?”. Kita pun naik hangat juga. “Hendak kerjakah hendak menipu!” kita tanya balik kepada dia (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, sebenarnya bayaran \$400 ini dia kata dekat, tidak dekat juga, sebenarnya jauh. Tetapi yang paling sedihnya dia dera. Siapa yang tidak bayar \$400 angkat pergi ke Arafah lewat, empat jam tunggu, kadang-kadang sampai 8 jam. Dia suruh lepas Asar, pukul 10.00 malam baru dia ambil. Kemudian sekali. “Hendak naik semua ada resit”, kita naik bas dia tengok “ada \$400, \$400 dulu, \$400 dulu”. Daripada Arafah ke Minapun begitu. Mana yang tidak bayar kemudian sekali dan ditinggalkan sebanyak 1 hingga 1½ kilometer jauh daripada tempat khemah. Tidak tahu ke mana khemahnya, sesat.

Sebenarnya, perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sepatutnya kalau kita sebut \$400 dekat, tidak bayar, jauh. Jadi sebenarnya orang pergi ke sana itu serupa kita ini bolehlah bayar juga tetapi kalau orang-orang kampung ini \$400 itu besar bagi dia. Dan makan \$300 di Mina itu besar dengan makan cara yang diberi itu. Dan kalaulah dia kata tidak bayar duduk jauh 4km. Yang saya sedihkan surat yang Tabung Haji keluarkan ini dia tulis 1 hingga 1½ kilometer sahaja. Tetapi dia potong, tulis empat kilometer. Ini suratnya dicap dan disign oleh Ketua Pengarah, Dato' Haji Hanapiah bin Haji Ahmad, dan surat inilah yang ditaburkan. Satu hingga 1½ kilometer. Saya perhatian-perhatikan, dia potong, dia tulis 4 kilometer. Lepas itu untuk menerangkan dia keluar satu siaran lain pula.

Sebenarnya, empat kilometer daripada khemah itu lebih baik duduk di Mekah. Mekah dengan Mina hanya 4 kilometer. Buat apa kita susah duduk di Mina. Dan saya bukalah peta ini. Puak-puak kita duduk bincang sama, di Mekahpun jadi Wakil Rakyat juga sedikit, Tuan Pengerusi. Saya buka peta ini, saya jengkal dengan jengkal saya, lepas itu datanglah orang Tabung Haji, katanya "peta ini tak pakai, peta lama". Rupa-rupanya peta yang diberi peta tahun sudah. Apabila kita cari di mana tempat hospital tidak jumpa. Ada tulis dalam peta ini, dia tanda hospital atau kelinik, tetapi cari tidak jumpa. Barulah orang Tabung Haji beritahu peta itu tidak guna, peta lama. Diberi tahun 1984 tetapi peta tahun 1983! Ini satu lagi yang sedih. Jadi kalaulah peta diberi untuk menyusahkan kita tidak payah berilah.

Dan pula \$400 kalau tidak bayar duduk empat kilometer, baik duduk di Mekah. Tetapi masalah pula. Arab ini dia dera sahaja. Kalau hendak duduk di Mekah pintu dia tutup, catuan air tidak diberi. Ada setengah yang duduk di Muassasah 8 tidak apalah, sedap. Saya duduk Muassasah 16, rumah berdebu. Ada pula pilihan masa hendak minta masuk itu. Sebenarnya orang Tabung Haji sudah tahu yang mana Muassasah baik dan yang mana Muassasah tidak baik. Sebab ada Timbalan Menteri, Exco Kanan dan sebagainya semuanya ada di Muassasah 8. Yang saya si bodoh ini, ikut sahaja duduk di Muassasah ikut yang dia beri. Yang pelik bagi saya, saya lima orang, saya suami isteri dan keluarga tiga orang. Saya beritahu masa mendaftar saya hendak duduk di Muassasah yang sama. Sampai-sampai pergi sana yang saya ini Muassasah 16 yang kawan itu Muassasah lain, Muassasah 6. Saya kata saya hendak sama. "Tak apalah Yang Berhormat"

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sekali-sekala arahkanlah ucapan itu kepada Tuan Pengerusi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta maaf, Tuan Pengerusi, fasal cerita sedap sangat. Jadi, saya sudah beritahu kata hendak Muassasah sama. Satu beri 16 dan satu lagi beri 8.

"Yang Berhormat pergi sana tidak apalah boleh tukar di sana", dia kata.

Dia ingat senangkan Tok Arab ini. Apabila saya pergi jumpa Ali Inderagiri sendiri untuk tukar Muassasah ini, Tuan Pengerusi, dia kata "Wah, anta ini mahu buat hajikah, mahu pilih Muassasah." Saya jawab, "saya mahu Muassasah ini kerana ada Syeikh yang saya kenal."

"Oh, mahu pilih Syeikhkah. Syeikh sama, serupa, semua sama. Kalau mahu bikin haji, ikut sama Syeikh semua sama, tidak ada satu yang kurang" dia kata.

Jadi, dia tanya mahu buat hajikah atau mahu pilih Tok Syeikh. Bertengkar-bertengkar, dia tak hendak beri. Saya keluarkanlah kad "Wakil Rakyat". Dia tengok crown Malaysia. "Saya Wakil Malaysia". Saya tunjuk kad itu. Dia takut, dia tak tahu baca. (*Ketawa*) Akhirnya, dia beri tukar.

Kalau inilah caranya saya rasa, Pak Cik, Mak Cik yang bercerai laki bini itu, ada yang 7, ada yang 8, 5 atau 4, itu laki-bini. Ini bukan salah Muassasah, ini salah Tabung Haji. Pergi sana "ini bukan kita punya salah, Tabung Haji salah". Tambahan pula Tabung Haji ini tahu yang mana Muassasah baik, yang mana Muassasah tidak baik. Itu satu lagi. Jadi inilah yang sedih. Perkara ini hendaklah diperbetulkan.

Sebenarnya, pergi sekali dengan keluarga ini baik, tambah yang tua. Buat apa yang Tabung Haji ini pandai-pandai pecah-pecah mereka ini. Yang ini yang sedihnya. Ada satu orang tua daripada Madinah naik bas sekali

dengan saya. Apabila sampai ke Muassasah 7 itu, suaminya turun, di kuit-kuit bininya supaya turun. Bininya tua, kalau muda macam saya boleh berkelahi sedikit. Lakinya turun, bini atas bas lagi. Kata bininya saya "Muassasah 3". Laki "Muassasah 7". Kata Syeikh "turun dulu", angkat barang dulu, turun." Angkat barang, bini entah ke mana. Saya tidak tahulah selepas daripada itu. Tak larat juga duduk tanah Arab jadi Wakil Rakyat sahaja. Saya tidak tahu sama ada laki bini itu berjumpa semula atau tidak.

Itulah keadaannya. Mengapa keadaan jadi begitu. Inilah yang sedih bagi kita dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku pada masa akan datang.

Dan satu lagi yang sedih bagi kita, banyak deraan bagi kita. Sebenarnya bukan deraan daripada Allah s.w.t. kalau deraan daripada Allah s.w.t. tidak apalah, tetapi deraan dari Tok-tok Arab ini. Rumah di sana bukan rumah tertutup, rumah itu tidak dibersihkan. Tahi kucing, tahi tikus, tahi burung, tahi manusia pun ada—kering. Pijak tilam itu pap! berdebu, bagaimana jemaah haji tahun ini tinggalkan tilam di situ, begitulah akan duduknya tilam itu sehingga jemaah haji akan datang, macamana tidak sakit. Jadi periksalah dahulu bangunan itu, kalau Tabung Haji hendak recommend periksalah dahulu, kalau bangunan buruk jangan beri.

Saya hairan macam mana orang Indonesia boleh mendapat tempat yang baik, tak ada komplek—baik dan saya pernah bertanya, tidak ada yang susah, mungkin ada yang sedikit-sedikit, saya tidak tahulah, tetapi maknanya setakat ini tidak ada yang komplek. Kalau ada, mereka komplek kepada Kedutaannya, Kedutaannya pergi ambil, ada juga orang Indonesia yang tinggal di muassasah 16 tinggi, tingkat atas sekali, wah! kita tidak

enak macam ini, kita tidak mahu macam ini, kita mahu report sama kita punya Duta. Petang Dutanya datang ambil dan dibawa ke tempat lain, ternganga kita tengok. Jadi layanannya lebih baik, mereka lebih ramai daripada kita, 40,000 orang pergi bukan 24,000 dan mereka tidak ada Urusan dan Tabung Haji, tetapi mereka ada Kerajaan.

Saya rasa untuk di tanah Mekah tidak perlu Lembaga Urusan dan Tabung Haji, tetapi sebenarnya kalau tok syeikh itu beri layanan yang baik kepada kita, saya rasa lebih baik kerana keadaan yang berlaku selama kita duduk di sana itu amat sedikit pertolongan yang kita terima daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Waktu bertolak balik. Sebelum kita hendak balik itu 3 kali tawaf widaq—tiga kali tawaf widaq. Yang sedihnya selepas subuh tawaf widaq dan kemudian kita berangkat katanya, selepas subuh kita berangkat. Selepas zohor tawaf widaq, Tuan Pengerusi—maaf, jadi sehingga subuh besok baru berangkat, bukan subuh hari ini berangkat, tetapi subuh besok baru berangkat, macamana? Ada setengahnya tambang sendiri pergi ke Jeddah, dia ada duit, yang tidak ada duit kasihan juga, tunggu juga bas itu selepas 3-4 kali tawaf widaq, ini berlaku, tahun sudah tidak pernah berlaku seperti ini, kerana adanya pekerja-pekerja yang tidak mahir, tok syeikh haji tidak peduli langsung. Harapkan kepada orang yang tidak mahir, masakan makanan semuanya tidak sesuai kerana yang bekerja itu tidak mahir, tok syeikh yang mahir tidak peduli, alatan tidak cukup, sebab alatan tidak cukup tok syeikh yang kaya berkata, ah! apa peduli, itu muassasah punya fasal.

Di dalam pengalaman ini saya sendiri pergi berjumpa Encik Abdullah Bugis iaitu Timbalan Menteri Haji, tetapi begitulah setelah

jumpa dapatlah kipas. Apa ini kotor? Sebut sahaja kotor, lepas itu tidak dicuci juga, kotor pergi periksa—tidak sesuai, ya, dia kata betul-betul. Ada yang pandai cakap Melayu juga, cakap Arab saya tidak tahu, ya-ya angguk-angguk ada yang tidak puas hati komplek, besok diberinyalah kipas, selepas itu diberi air-con baru. Air-con baru tidak dibuka tunggu kita habis mengerjakan haji dahulu baru dibuka, dibawa pergi 2-3 ditambun dekat situ tetapi tidak dibuka pun, saya tengok memang tidak dibuka apa ini? Jawapnya nanti-nanti—tidak ada, tidak dibuka kotaknya pun. Air-con baru dia tunjuk sekejap, ketika wakil Menteri Haji Encik Abdullah Bugis datang, itu sahaja dan saya mintalah kepada pihak yang berkenaan kalau boleh janganlah jadi jurucakap kepada pihak Tabung Haji ini, sepatutnya dia membela pihak kita, jikalau boleh muassasah menulis esok hantar surat seperti minta air-con dan sebagainya. Air-con di sana \$1,200 beli satu air-con, tetapi kalau kita bayar \$300 seorang, 5 orang boleh dapat \$3,000-\$4,000, baik beli air-con sendiri pasang, selepas itu sedekah boleh dapat pahala lagi. Peti ais sewa \$200, kalau kita beli peti ais di sana \$420 satu, kalau begitu lebih baik kita duduk 5 orang beli dekat dia \$500-\$600 ataupun dekat dengan \$1,000, tetapi kita beli \$400 selepas itu kita sedekah lebih baik kita dapat pahala juga. Dengan cara inilah yang saya katakan bahawa tempatnya tidak selesa dan saya ada berjalan pergi ke Tabung Haji.

Sebenarnya kalau ada duit sedikit kita rugi, sebabnya kita tidak duduk rumahnya, kita duduk di hotel pun \$1,400 kena bayar, tidak makan dengan dia, di Mina pun kena bayar, kita beritahulah ke Tabung Haji, saya ini tidak duduk di rumah tok syeikh di Mina, saya berulang, saya tidak duduk, tidak makan di sana, saya makan sendiri, itu Encik boleh kiralah dengan tok syeikh eh! senang kira, dia sendiri

tidak boleh kira, hendak kita kira. Jadi, Tuan Pengerusi, sepatutnya jangan bayar dahulu duit itu, Tabung Haji pegang, jangan bayar, jika ada orang mengadu jangan duduk rumah syeikh haji, jangan bayar, ini buat apa yang kita bayar siang-siang. Pasport kita hendak ambil awal-awal ini, hendak koyak ambil \$1,400 tidak ada apa-apa, belum naik bas lagi minta pasport, bilang tidak cukup, tidak diberi naik kerana takut tertinggal \$1,400 itu untuk rumah. Jadi jangan beri pasport itu, jika hendak diminta Tuhan, ya Allah, hendak minta pasport, atau hendak tukar penerbangan dan sebagainya dia tidak mahu beri, dan Tabung Haji ini jauh lagi hendak suruh minta dia sendiri pun takut cuma lebihnya dia tahu cakap Arab, itu sahaja. Kita tidak tahu cakap Arab, kalau saya tahu cakap Arab lebih daripada tok Arab, tidak tahu cakap Arab pun boleh lawan. Hendak balik pun susah, teruk juga, tunggu 12 jam, ada Timbalan Menteri tunjuk penumbuk ke tok Arab, Setiausaha Parlimen curah ayak, cakap Kedah sedikit, curah ayak panas kepada askar pun ada.

Ada Ahli Parlimen angkat besi hendak baham cermin kerana 12 jam tunggu dalam bilik seramai 500 orang. Di dalam bilik itu usahkan hendak tidur, hendak duduk dan berdiripun agak tidak muat, tok Arab pun seperti budak-budak, bukan tahu bahasa sangat, jadi berlakulah macam peristiwa-peristiwa ini. Kalaulah betul penerbangan itu lewat buat apa checking awal, buat apa suruh orang kita masuk, sudahlah letih, kurang tidur dan macam-macam berlaku. Maknanya benda-benda ini biarlah orang kita tahu masa yang betul, masa itu tidak nampak Lembaga Urusan dan Tabung Haji, siapa pun tidak nampak, kita sahaja. Inilah keadaan-keadaan yang boleh menjadikan kesulitan.

Saya mintalah dan saya mencadangkan kalau boleh sistem

muassasah ini kita uji ke negeri Arab sendiri, ini diuji ke puak-puak kita, kita uji negeri Arab kerana negeri Arab seperti Iraq dan sebagainya tidak ada muassasah, dia sendiri tolak tidak mahu. Kita yang diterima hendak uji, macam Turkey, Turkey tidak apalah satu tanahnya, yang kita laut, kalau boleh bawa Mercedes tidak apalah di sana. Jadi kalau boleh muassasah ini, sembah sekali minta, tak usahlah selepas itu berilah kepada haji-haji itu kita kuota supaya jangan banyak sangat, biar haji sendiri, ini satu kalau boleh hapuskan atau hendak perkemaskan, perkemaskanlah carilah pekerja yang mahir, tok syeikh ini dia tidak dengar orang kita, orang Melayu, orang Melayu kita ini baik-baik sebab perkara ini dianggap kita bodoh, kalau menjual barang dia tidak hendak jual kepada orang Indonesia, tetapi dijual kepada kita sebab kita sekali tawar diberi, orang lain donggeng-donggeng tidak diberi, dengan sebab kita baik, kita mudah berkira, tetapi kerana pergi tanah Mekah hendak sedekah, maka mudah, kita niat hendak sedekah di tanah suci, semua beli hendak cium, khusyuk

sekali kerana Mekah. Jadi dengan cara itulah kita ini dianggap bodoh, ditipu dan macam-macam \$1,400 rumah untuk tempat duduk itu tidak datang tengok, saya boleh dapat rumah di sana \$4,000 boleh duduk 8 orang selama dua bulan pun tidak apa, pakai air-con, carpetpun boleh dapat, banyak rumah-rumah kosong kerana

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masanya sudah tiba bagi mesyuarat ditangguhkan dan Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Baik, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.